


Jilid IV
bil. 19



MALAYSIA

Hari Rabu
24hb Julai, 1974

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2297]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18:

Y.B. Ahli dari Datuk Keramat [Ruangan 2344]

Y.B. Ahli dari Kampar [Ruangan 2344]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara [Ruangan 2347]

Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam [Ruangan 2352]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Lip Rosak di Wad Bersalin Hospital Besar, Melaka [Ruangan 2404]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Rabu, 24hb Julai, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Kewangan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K., (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T.
(Tanah Merah).

- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).

- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rejang).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LUBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., J.M.N., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).

Yang Berhormat TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).

- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN, A.M.P. (Ipoh).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMMAD KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasar Puteh).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).

- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENGUNDI-PENGUNDI LUARBANDAR

1. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa sedikitnya bilangan yang keluar mengundi dalam pengundian-pengundian lalu adalah disebabkan di kebanyakan tempat dalam kawasan-kawasan luarbandar, pengundi-pengundi diminta datang ke pondok-pondok pungutan undi yang mana untuk berbuat demikian mereka selalunya terpaksa berjalan daripada kampung-kampung mereka selama 4 hingga 6 jam atau lebih melalui dataran yang sukar menjadikan kaum wanita dan kaum tua tidak dapat untuk membuang undi. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan bahawa orang-orang ini tidak akan ternafi hak mereka untuk mengundi dengan membawakan lebih banyak lagi pondok-pondok pungutan undi ke kampung-kampung yang terpencil dan menambahkan lagi pasukan-pasukan pungutan undi yang bergerak dan bersilih-ganti di tempat-tempat tersebut pada masa Pilihanraya Umum yang akan datang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya telahpun mengambil tindakan memperbaiki peluang pengundi-pengundi di kawasan luarbandar terutama di Sabah dan Sarawak dengan mengadakan:

- (a) Pasukan Bergerak;
- (b) Mengadakan Tempat Mengundi yang lebih;
- (c) Mengadakan Tempuh Pengundian yang lebih lama;
- (d) Dengan mengadakan pengangkutan helikopter dan bot dan dengan ini jelas, terutama jika di lihat dari keputusan peraturan yang keluar mengundi pada tahun 1969 iaitu 80% daripada pengundi-pengundi Sarawak telah keluar mengundi berbanding dengan 73.1% bagi pilihanraya bagi negeri-negeri Semenanjung Malaysia.

Memandangkan kepada keadaan keselamatan di Sarawak semasa pilihanraya dijalankan dahulu, maka peratusan pengundian yang telah dicapai itu adalah sangat tinggi dan memuaskan.

Tuan Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab iaitu pada masa akan datang tempat yang paling jauh bagi pengundi mengundi boleh pakai helikopter. Bolehkah dibenarkan wakil parti-parti politik di Sarawak bersama mengikuti helikopter yang membawa peti undi itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini adalah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Jadi, terpulanglah kepada pegawai-pegawainya menentukan perkara ini.

PENCEN KEPADA PESARA-PESARA

2. Tuan Edwin anak Tangkun minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang memberi pencen penuh kepada pegawai-pegawai yang telah berkhidmat selama 10 tahun dan bukan 12½ tahun terutama bagi mereka yang bersara semenjak tahun 1963.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan untuk memulihkan pencen penuh kepada pesara-pesara yang telah genap tempuh persaraan selama 12½ tahun adalah berasaskan kepada sebab-sebab yang tertentu dan meliputi semua pesara-pesara. Adalah tidak wajar bagi Kerajaan memberi pertimbangan khas kepada mereka yang telah bersara semenjak tahun 1963.

BANTUAN KERAJAAN— DASAR EKONOMI BARU

3. Tuan Mustapha bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa banyak rakyat keturunan Cina dan India juga perlukan bantuan daripada Kerajaan; jika ya, bolehkah beliau memberi jaminan bahawa bantuan-bantuan seperti itu akan diberikan juga kepada mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa selain dari Bumiputra, sebilangan besar rakyat keturunan Cina dan India juga memerlukan bantuan daripada Kerajaan. Saya fikir tidaklah perlu

lagi diberi jaminan selanjutnya bahawa bantuan-bantuan yang mereka perlukan itu akan diberi. Ini adalah nyata dasar Kerajaan. Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua ada mengandungi jaminan-jaminan ini.

Program kemajuan dan lain-lain bantuan Kerajaan yang telah dilaksanakan dalam masa beberapa tahun ini ada menunjukkan bahawa jaminan itu telah dilaksanakan. Kerajaan akan terus berbuat demikian kerana adalah matlamat kita bahawa orang-orang yang tidak berada dari semua keturunan patut di tolong membaiki taraf hidup mereka, sejajar dengan matlamat pertama Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan kemiskinan negara kita tanpa mengira kaum.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana kemiskinan bukan satu soalan kaum, tetapi satu soalan kelas, dan oleh kerana si miskin terdiri daripada semua bangsa; daripada orang Melayu, orang Cina dan orang India, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbangkan supaya menubuhkan agensi-agensi atau badan-badan semacam MARA untuk memberi pertolongan dan bantuan khas kepada orang-orang miskin yang terdiri daripada lain-lain bangsa seperti yang dibuat kepada orang-orang Melayu yang miskin?

Perdana Menteri: Saya fikir agensi semacam MARA tidak perlu diadakan, sebab bantuan-bantuan dan pertolongan ada diberi melalui Kerajaan-kerajaan dan juga agensi-agensi yang lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan Berkenaan dengan masalah orang India, barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak sedar, iaitu orang India sekarang tidur di kaki lima (five-foot way), diperhentian bas dan juga di perhentian keretapi. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah Kerajaan sekarang membuat satu rancangan baharu untuk menolong orang-orang India sahaja?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan tadi, Kerajaan ada rancangan hendak menolong orang yang miskin daripada semua bangsa, tetapi kalau orang India suka hendak tidur di stesyen

Keretapi, di stesyen bas dan di five-foot way, saya tidak boleh buat apa-apa.

Tuan Ng Hoe Hun: Mereka tidur di five-foot way, stesyen bas dan stesyen keretapi itu, kerana mereka tidak ada wang. Soalan saya ialah adakah Kementerian lain seperti Kementerian Kebajikan Am hendak tolong orang-orang yang seperti itu atau tidak?

Perdana Menteri: Biasanya kalau orang itu tidak ada kerja, dia berkehendakan kerja kita boleh carikan dia kerja. Kalau dia uzur dan tak mampu hendak bekerja kita boleh beri dia bantuan-bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Ng Hoe Hun: Adakah Perdana Menteri sedar banyak orang India ini yang tidak bekerja, sebab mereka mempunyai kad pengenalan merah dan tidak boleh mendapat kerja. Adakah Kerajaan Malaysia mempunyai rancangan untuk menukarkan kad pengenalan merah mereka itu kepada kad pengenalan biru, sebab hendak cari kerja?

Perdana Menteri: Itu saya sudah jawab tadi. Kita boleh beri dia kerja, kalau dia berkehendakkan kerja.

ASIA TENGGARA KAWASAN BERKECUALI

4. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah jentera pendamai yang akan dibentuk untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian antara negara-negara anggota ASEAN.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, menteri-menteri Luar Negara-negara ASEAN telah bersetuju atas satu rekomendasi oleh Jawatankuasa Pegawai-pegawai Kanan yang dibuat dalam konteks untuk menjadikan Asia Tenggara satu kawasan yang Aman, Bebas dan Berkecuali, bahawa peraturan-peraturan bagi menyelesaikan pertikaian-pertikaian antara negara-negara ASEAN boleh dibentuk selepas Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali, bahawa peraturan-terlebih awal, jika perlu. Menteri-menteri Luar berkenaan telahpun mengarahkan supaya butir-butir peraturan ini dibincangkan dengan selanjutnya.

HUBUNGAN MALAYSIA-KOREA UTARA/VIETNAM UTARA

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia berniat untuk menukar duta dengan Korea Utara dan Vietnam Utara, dengan memberi butir-butir lanjut, dan samada apa-apa perbincangan telah diadakan dengan pegawai kedua-dua negeri mengenai perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengujudkan hubungan rasmi dengan kedua-dua negara tersebut dan Korea Utara telahpun membuka Kedutaannya di sini. Tetapi setakat ini kita belum ada rancangan untuk membuka Kedutaan di kedua-dua negara itu.

DELEGASI MALAYSIA KE CHINA

6. Tuan Tan Cheng Bee minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang menghantar suatu rombongan terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen dari berbagai parti-parti politik Malaysia ke Republik Rakyat China untuk mempelajari keadaan ekonomi, sosial dan politik di sana, memandangkan penubuhan perhubungan diplomatik dengan Republik itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Kerajaan berpendapat adalah tidak perlu menghantar Delegasi seperti yang dicadangkan itu.

PINJAMAN PERUMAHAN

7. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar ramai kakitangan Kerajaan dan lain-lain ahli perkhidmatan awam bersungut kerana pinjaman perumahan yang diberi kepada mereka beberapa tahun lalu sekarang ini tidak mencukupi oleh kerana kenaikan harga rumah dan samada pinjaman mereka ini akan diulangkaji untuk membolehkan mereka mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan sungutan ini dan masalah ini sedang dikaji oleh Kerajaan sekarang.

PEJABAT SETEM SUNGAI SIPUT UTARA

8. Tuan Su Liang Yu (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa terlalu banyak kesusahan, kesangsaraan ketakselesaian yang dialami tiap-tiap hari oleh orang ramai di Sungai Siput Utara oleh kerana terpaksa pergi ke Ipoh atau Kuala Kangsar yang jauhnya lebih kurang 18 batu dan 14 batu masing-masingnya hanya untuk menyetem dokumen-dokumen mereka; jika ya, adakah beliau akan ambil tindakan-tindakan segera untuk membuka sebuah Pejabat Setem di mana-mana tempat berhampiran dengan Pejabat Daerah, Sungai Siput Utara untuk mengelakkan kesangsaraan, ketakselesaian dan belanja yang tidak perlu yang mesti dialami oleh orang ramai di Sungai Siput.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya bersedia untuk menimbangkan perkara ini jika sekiranya pejabat yang dipohonkan itu difikirkan perlu diadakan.

MODAL JEPUN DALAM INDASTRI MALAYSIA

9. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kadar penyertaan peniaga Jepun di Malaysia dan samada firma-firma Jepun yang baru yang sedang ditubuhkan di negara ini mengikut dasar Kerajaan membenarkan 30% penyertaan dan/atau kepunyaan Bumiputra.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, sehingga tempoh berakhir 31hb Disember, 1973 penyertaan modal Jepun dalam industri yang diluluskan oleh Kementerian saya ialah 24.4%. Kadar ini adalah untuk bidang perkilangan sahaja.

Dalam bidang perdagangan pula, syarikat-syarikat Jepun yang ada di negeri ini seperti Marubeni, Sumitomo, Mitsubishi, Mitsui, C. Itoh dan lain-lain adalah merupakan syarikat-syarikat cawangan sahaja dan kegiatan mereka dihadkan kepada kerja-kerja perantaraan seperti mengenalkan pengimpot-pengimpot atau pengeksport-pengeksport Malaysia kepada pengeksport-pengeksport atau pengimpot-pengimpot di

negeri Jepun. Syarikat-syarikat Jepun tersebut tidak dibenarkan menjalankan perniagaan borong atau runcit dalam negeri ini. Keadaan di Sabah dan Sarawak ialah berbeza sedikit sebab syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat Jepun telah dibuat sebelum kedua-dua negeri ini bergabung dalam Malaysia.

Firma-firma perkilangan Jepun yang baru ditubuhkan di Malaysia tidak dikecualikan daripada syarat-syarat biasa yang dikenakan kepada semua syarikat-syarikat daripada negara-negara lain termasuklah syarat penyertaan Bumiputra. Pada keseluruhannya syarikat-syarikat tersebut adalah mematuhi dasar Kerajaan ini. Kementerian saya akan terus menentukan agar syarat-syarat yang dikenakan mengenai penyertaan Bumiputra dipatuhi oleh semua kilang-kilang perindustrian di negara ini. Berhubung dengan syarikat-syarikat perdagangan yang ingin menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dalam negeri pula, Kerajaan tidak menggalakkan penubuhannya.

GULA/TEPUNG/BESI— BARANG-BARANG KEPERLUAN

10. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa perniagaan barang-barang keperluan seperti gula, tepung dan besi dibolotkan oleh dua atau tiga keluarga sahaja yang mementingkan keuntungan sahaja, dan jika, ya adakah Kerajaan akan mengeluarkan lesen impot terbuka kepada orangramai supaya mengurangkan harga-harga ini sebanyak 30 peratus dan bolehkah Kerajaan, demi meringankan sedikit penderitaan rakyat, akan menghakmilik-negarakan perniagaan barang-barang ini.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, perniagaan barang-barang keperluan seperti gula, tepung dan besi tidak dibolotkan oleh 2 atau 3 keluarga sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Ini adalah jelas memandangkan bahawa kebanyakan syarikat-syarikat gula, tepung dan besi tempatan adalah syarikat awam (public companies) dan setengah-setengah daripada syarikat ini adalah disenaraikan di Pasaran Tempatan. Ini bermakna saham-saham syarikat-syarikat berkenaan dapat dijual-beli di kalangan awam.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya Kementerian mengeluarkan lesen-lesen impot untuk barang-barang berkenaan, ingin saya jelaskan bahawa pengimpot besi waja tidak memerlukan lesen impot. Lesen-lesen impot sebaliknya tidak dikeluarkan bagi gula pasir dan tepung gandum oleh kerana keperluan barang-barang ini dapat dipenuhi oleh pengeluaran tempatan. Kementerian saya berpendapat bahawa barang-barang itu sekiranya diimpot adalah lebih mahal dibandingkan dengan harga yang dijual dalam pasaran tempatan pada masa ini. Dengan itu pengeluaran lesen-lesen impot tidak semestinya mengakibatkan kekurangan harga sekiranya harga barang-barang yang akan diimpot di negara-negara pembekal terus meningkat naik. Keadaan harga antarabangsa ketiga-tiga jenis barang itu adalah lebih tinggi sekiranya dibandingkan dengan harga dalam negeri.

Kerajaan akan terus mengawasi keadaan harga bahan-bahan berkenaan itu dari masa ke semasa mengikut kuatkuasa-kuatkuasa yang ada di dalam tangannya. Oleh itu, Kerajaan berpendapat bahawa perniagaan barang-barang ini tidaklah harus dihakmilik-negarakan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan gula yang diimpot ke negara Malaysia, saya ingin bertanya kepada Menteri, Kuok Brothers adalah seorang yang ada lesen mengimpot gula, berapa peratuskah saham yang ia mengawal gula di Malaysia—how many per cent he controlled the sugar trade in Malaysia?

Datuk Musa Hitam: Sebelum saya menjawab saya suka mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat, apabila dia kata gula, gula mentahkah atau gula pasir?

Tuan Ng Hoe Hun: Gula putih dan gula merah.

Datuk Musa Hitam: Gula putih yang diimpot, dan tidak ada gula merah yang diimpot.

Tuan Ng Hoe Hun: Bagaimana dengan raw sugar?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah ini soalan yang betul? Nampaknya dipusingkan-pusingkan.

Tuan Ng Hoe Hun: Dia pusing, saya pun pusing, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Datuk Musa Hitam: Biasanya dia yang berpusing, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini saya berkehendakan notis, oleh sebab Yang Berhormat bertanya berapa peratus.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Bolehkah atau tidak kilang-kilang besi menetapkan satu harga sahaja? Pada masa sekarang kilang-kilang besi ini macam-macam harganya. Misalnya, besi 12 mm di satu kilang harganya \$700 satu tan, tempat lain \$800 dan di tempat lain pula \$600. Jadi tidak sama. Bolehkah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian satukan harga besi ini supaya tiap-tiap kilang mestilah menjual dengan harga itu?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membincangkan soal besi memang benar ada lain bahan-bahan yang dikeluarkan oleh tiap-tiap satu kilang. Yang sebenarnya cuma ada satu kilang yang terbesar sekali di negara kita ini yang mengeluarkan besi untuk bangunan-bangunan Kerajaan yang besar-besar. Soal hendak menyatukan bahan yang berkenaan ini tidak timbul oleh sebab cuma kilang itu sahaja yang mengeluarkan dan juga dari segi bahan-bahan besi untuk bangunan oleh sebab ada perbezaan di antara satu sama lain dari segi kategorinya jadi tidaklah dapat hendak dipersatukan, tetapi dari segi kategori, kalau kena pada kategori yang berkenaan itu memanglah dipastikan harga yang berpatutan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apabila seseorang hendak meminta lesen mengimpot gula masuk ke Malaysia permohonan mereka boleh ditimbang atas merit. Saya hendak tahu apakah kebolehan ini, apa merit yang boleh Kementerian beri kepada orang yang hendak mengimpot gula masuk ke Malaysia?

Datuk Musa Hitam: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cakup begitu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Jikalau tidak bercakap seperti itu macam-mana rakyat di Malaysia boleh meminta lesen mengimpot gula?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi 100% daripada keperluan gula di dalam negara ini dikeluarkan oleh kita, jadi soal impot tidak timbul. Apabila diimpotkan gula itu gula itu harganya mahal dari luar dan kita tidak perlu mengimpot oleh sebab kita cukup gula dalam negeri yang dikeluarkan oleh kilang yang ada sekarang ini. Jadi, soal impot tidak timbul. Kalau Ahli Yang Berhormat sedia hendak mengimpot gula ke dalam negeri ini bolehlah dia buat, tetapi saya fikir gula dia barangkali tidak laku oleh sebab mahal sangat harganya daripada harga gula kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir dalam kepala Ahli Yang Berhormat itu sangat bernas. Apa-apa yang tidak boleh pun diadakannya. (*Ketawa*)

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Mengikut nasihat Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi apabila saya minta satu lesen mengimpot tidak diberi oleh Kementerian. Katanya gula di luar negeri mahal, gula di Malaysia murah dan jikalau gula di luar negeri mahal, apa gunanya? Apakah sebabnya Kementerian tidak mahu memberi lesen kepada rakyat yang hendak mengimpot gula? Saya boleh tunjukkan kepada Kerajaan bahawa harga gula di luar negeri rendah bukan tinggi. Apakah sebabnya tidak mahu diberi rakyat lesen mengimpot gula?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, asas pemberian lesen impot ialah samada bahan yang hendak diimpot itu boleh didapati atau tidak di dalam negara dan samada bahan yang dikehendaki itu cukup atau tidak dalam negara dan yang ketiga samada harga yang boleh didapati ini berpatutan atau tidak. Kalau ketiga-tiga ini kita puashati, menunjukkan bahawa tidak perlu diimpot maka tidaklah dapat kita memberi permit untuk impot. Walau bagaimanapun saya sukalah memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat kalau dia benar-benar hendak mengimpot gula, dapat harga yang baik, tolonglah beritahu kita, kita pun agaknya hendak membeli dan kita akan dapat menimbangkan kemungkinan memberi permit itu kepadanya.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar masalah mengimpot gula yang digunakan di Malaysia dikawal oleh Kuok Brothers?

Datuk Musa Hitam: Tidak benar.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Mengikut hak milik negara adakah Kementerian mempunyai satu rancangan hendak memiliknegerakan sugar industry di Malaysia?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sudah dijawab.

PERSIDANGAN UNDANG-UNDANG LAUTAN

11. Tuan Ng Hoe Hun minta Peguam Negara menyatakan berkenaan dengan Persidangan Undang-undang Lautan yang telah diadakan di Caracas:

- (a) samada Menteri boleh memberi suatu Lapuran kepada Dewan Rakyat mengenai Persidangan itu;
- (b) faedah-faedah yang terdapat oleh Malaysia daripada Persidangan itu; dan
- (c) keputusan yang telah dicapai mengenai Selat Melaka.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Persidangan Undang-undang Lautan di Caracas masih berjalan dan hanya akan tamat pada 29hb Ogos, 1974. Saya cuma ada di Caracas hingga 16hb Julai sahaja. Oleh itu, tidaklah dapat saya memberi lapuran penuh kepada Dewan ini mengenai Persidangan itu, faedah-faedah yang terdapat daripada Persidangan itu dan juga keputusannya sehingga Persidangan itu tamat kelak.

KAPAL "MALAYSIA KITA"

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada kerosakan akibat kebakaran atas kapal "Malaysia Kita" akan menjejaskan pelayaran jemaah haji, dan bolehkah beliau memberi jaminan bahawa kapal baru yang akan datang tidak seuzur kapal-kapal "Malaysia Kita" dan "Malaysia Raya".

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, kerosakan yang berlaku pada kapal "Malaysia Kita" akibat kebakaran itu mudah-mudahan dengan izin Allah tidak akan menjejaskan pelayaran Jemaah Haji. Untuk musim Haji Tahun Hijrah 1394 sebanyak 6 pelayaran telah diaturkan iaitu 4 pelayaran dengan "Malaysia Raya" dan 2 pelayaran dengan kapal "Ratu Timor" iaitu kapal baru yang menggantikan "Malaysia Kita".

Mengikut kajian, kapal "Ratu Timor" itu adalah sesuai dan layak digunakan untuk membawa Jemaah Haji. Ianya adalah sebuah kapal penumpang yang berhawa dingin sepenuhnya. Kemudahan yang akan didapati di atas kapal "Ratu Timor" itu adalah diharapkan lebih baik daripada kapal "Malaysia Kita" atau "Malaysia Raya". Namun demikian adalah nyata bahawa kapal-kapal "Malaysia Kita" dan "Malaysia Raya", itu tidaklah begitu uzur malah kedua-dua kapal ini adalah juga berhawa dingin dengan sepenuhnya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kapal "Malaysia Raya" telah dipersiapkan dengan lebih lengkap memandangkan kawannya iaitu "Malaysia Kita" dahulu lebih kurang juga dan mengalami beberapa kerosakan sedangkan kapal "Ratu Timor" nampaknya akan lebih baik dan "Malaysia Raya" mungkin seiring dengan "Malaysia Kita" dahulu. Adakah apa-apa persiapan untuk mengseimbangkan dengan "Ratu Timor"?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, kapal "Malaysia Raya" bukanlah rakan senyawa dengan kapal "Malaysia Kita". Apabila penyakit itu menimpa "Malaysia Kita" tidak semestinya menimpa pula kepada kapal "Malaysia Raya". Walau bagaimanapun daripada semasa ke semasa kapal-kapal itu sentiasa diteliti dan dibaiki untuk disesuaikan dengan kemudahan Jemaah Haji kita yang berangkat ke Tanah Suci dari setahun ke setahun.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Pada hari Isnin, minggu ini, Tun Perdana Menteri ada mengatakan berkenaan dengan kapal-kapal "Bunga Orkid" dan "Bunga

Tanjung". "Bunga Orkid" dan "Bunga Tanjung" ialah dua buah kapal yang diberi oleh Negeri Jepun untuk menyelesaikan hutang darah kepada rakyat Malaysia. Bolehkah kedua-dua buah kapal ini digunakan oleh rakyat yang hendak ke Mekah?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua buah kapal yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah kapal-kapal untuk mengangkut barang-barang. Kalau hendak digunakan ke Mekah dia mesti diubahsuaikan supaya dia benar-benar menasabah dan sesuai untuk kegunaan Jemaah Haji yang hendak ke Mekah. Lagipun masaalah kapal yang kita gunakan sekarang ini ialah bergantung kepada soal perjanjian penyewaan daripada pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji dengan syarikat kapal yang berkenaan itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Jikalau kita mengikut syarat-syarat berkenaan dengan hutang darah ini, kedua-dua buah kapal ini ialah untuk kegunaan rakyat dan apa sebabnya "Bunga Orkid" dan "Bunga Tanjung" tidak boleh ditukarkan dari to carry industrial goods kepada kapal penumpang? Apa sebabnya Kerajaan tidak boleh menarik balik kedua-dua buah kapal ini, ditukar syarat itu kepada kapal passenger dan digunakan oleh rakyat yang hendak pergi ke Mekah?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soal syarat-syarat yang dituntut oleh Malaysia berkenaan dengan Hutang Darah yang mana kita dapat kapal, tidak semestinya untuk melaksanakan Hutang Darah itu kapal itu digunakan oleh tiap-tiap seorang rakyat Malaysia. Apa yang diperlukan ialah hasil atau faedah daripada penggunaan kapal itu dapat dirasakan bersama untuk negara kita. Ertinya, dirasakan oleh rakyat Malaysia. Jadi dengan demikian, tidak berbangkit soal kapal itu digunakan untuk membawa penumpang ataupun membawa barang-barang, sedangkan faedah kedua-duanya adalah kembali kepada rakyat di negara kita.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut kata bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu, dua buah kapal yang diberi oleh Jepun kepada Malaysia ialah untuk faedah rakyat. Sekarang Kerajaan ada dua buah kapal. Mengapa faedah dua buah kapal ini tidak boleh diberi kepada rakyat?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Kapal itu dipajakkan oleh negara kita kepada Syarikat Perkapalan Nasional kita sendiri. Ertinya, wang daripada pajakan itu dapat kepada negara dan wang itu digunakan untuk faedah rakyat pada keseluruhannya, dalam ertikata yang lebih luas, bukan dengan ertikata kapal itu digunakan untuk tiap-tiap rakyat.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri bersetuju iaitu dua buah kapal itu dipunyai oleh rakyat. Jikalau dua buah kapal itu untuk rakyat apakah sebabnya tidak digunakan untuk rakyat? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Kapal itu gunanya untuk membawa penumpang-penumpang dan barang-barang. Kedua-duanya sudah ada, jadi guna macam mana lagi?

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, apa sebabnya Kerajaan menyewa kapal padahal kita sudah ada kapal.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, saya kena pergi sekolah balik. (*Ketawa*).

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekali pun kapal yang dua buah itu digunakan untuk mengangkut Jemaah Haji, tidak semua rakyat dapat menggunakan kapal itu, hanya orang-orang Islam yang hendak pergi ke Mekah sahaja, kecuali Ahli Yang Berhormat itu masuk Islam (*Ketawa*) dan hendak pergi ke Mekah baharu dapat menggunakan kapal itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Menteri tahu saya belum masuk Islam? (*Ketawa*).

GURU-GURU "ATTACHMENT"—GAJI

13. Tuan V. Veerappen minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ada sebilangan guru-guru yang tidak dibayar gaji walaupun mereka telah berkhidmat lebih daripada 5 bulan dan samada ini tidak menjadi suatu kesalahan di bawah Ordinan Pekerjaan (Employment Ordinance) yang menghendaki supaya gaji dibayar sebelum 7hb yang berikutnya dan apakah langkah beliau akan ambil untuk mengatasi kelewatan ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, tetapi bilangannya kecil iaitu hanya seramai 16 orang guru sahaja 2 orang guru tetap dan 14 orang guru sementara. Kelewatan guru-guru sementara dibayar gaji adalah di luar kawalan Kementerian oleh kerana sebelum Lapuran Perubahan Gaji (Report of Change) dapat diluluskan guru-guru yang terlibat dikehendaki menyediakan dokumen-dokumen perlantikan seperti Sijil Akademik/Ikhtisas, Sijil Lahir, Sijil Kerakyatan, Sijil Perubatan dan sebagainya tetapi mereka lewat mengemukakankannya. Oleh itu walaupun kelewatan membayar gaji kepada guru-guru tersebut mungkin menyalahi Ordinan Pekerjaan tetapi perkara ini adalah tidak dapat dielakkan.

Dua orang guru tetap yang terlewat dibayar gaji ialah kerana mereka telah bertukar dan Sijil Gaji Akhir (last pay certificate) mereka terlewat disediakan. Walau bagaimanapun, mereka ini telah diberi pendahuluan gaji (advance) tiap-tiap bulan oleh pihak sekolah. Kementerian akan cuba mengelakkan kejadian kecil seperti ini pada masa hadapan dengan mempercepatkan penyediaan penyata gaji akhir guru-guru yang bertukar.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Sungguhpun Kementerian fikir kejadian ini kecil, tetapi adakah Yang Berhormat Menteri sedar iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri merasa kesal atas perkara-perkara kelewatan membayar gaji ini. Oleh itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri ambil tindakan yang cepat membayar gaji guru-guru ini. Guru-guru sendiri tidak merasa senang untuk bekerja 5-6 bulan disebabkan mereka tidak dapat gaji. Bolehkah Kerajaan mengambil berat atas perkara ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya pun juga turut rasa kesal atas kejadian itu, tetapi kalau 17 orang daripada 70,000 orang lebih guru-guru, jadi saya rasa ini angka yang kecil. Walau bagaimanapun, Kementerian sudahpun memberi arahan supaya perkara ini dielakkan seberapa yang boleh di masa akan datang. Tindakan sudah diambil, Tuan Yang di-Pertua.

UNDANG-UNDANG BURUH—KAJIAN

14. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adalah benar bahawa beliau telah menyetujui untuk meneliti semula undang-undang Buruh pada masa ini. Bolehkah beliau memberitahu kepada Majlis bila penelitian tersebut akan diadakan dan apakah peruntukan-peruntukan yang telah dipersetujui untuk dipinda.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, seperti pernah saya nyatakan dahulu dalam Dewan yang mulia ini, undang-undang buruh yang terdapat pada hari ini adalah sentiasa dikaji dan pindaan-pindaan yang sesuai diadakan dalam undang-undang tersebut sebagaimana dan apabila perlu.

Tuan Fan Yew Teng: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa pertikaian-pertikaian perindustrian adalah disebabkan oleh Undang-undang Buruh yang anti-buruh?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dua tahun dahulu Yang Berhormat Menteri Buruh ada buat pengumuman bahawa Kerajaan telah kaji Undang-undang Buruh dan akan bentangkan pindaan-pindaan kepada Undang-undang Buruh kepada Dewan yang mulia ini, tetapi sampai hari ini belum ada pindaan-pindaan itu dikemukakan. Sekarang kita dengar bahawa Kerajaan akan mengkaji lagi sekali. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah telah berlaku kepada kajian yang telah dibuat di masa dahulu yang diumumkan akan dibuat pindaan-pindaan yang akan dikemukakan kepada Dewan ini kenapa pindaan itu tidak wujud?

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, biasanya bila kita bawa undang-undang buruh ke Dewan ini kita berunding di dalam National Joint Labour Advisory Council. Beberapa suggestions sudah dibincangkan di dalam National Joint Labour Advisory Council, kedua-dua pihak: pihak pekerja dan pihak majikan ada pegang teguh

atas beberapa soalan. Jadi pada masa sekarang pun perkara-perkara ini ada dikaji di dalam National Joint Labour Advisory Council, di mana ada pihak pekerja dan pihak majikan, selepas itu kita bawa ke Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa dia ada membuat satu pengumuman yang tegas dan tetap dua tahun dahulu bila Dewan bersidang bahawa pindaan akan dikemukakan kepada Dewan ini. Oleh kerana, Kerajaan mahu haramkan picketting, barangkali itu tidak dapat persetujuan daripada M.T.U.C., sebab itu pindaan-pindaan lain tidak dibentangkan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu kenyataan yang jelas bila kajian-kajian itu boleh dibentangkan, dan beri jaminan atau announcement sekarang bukan satu announcement untuk pilihanraya besar yang akan datang.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya beritahu di dalam Dewan ini dan seperti rakan saya kata tadi, kita ada kaji semua undang-undang dan kita kaji juga keadaan negara, buruh dan majikan. Bila sudah selesai perbincangan di dalam National Joint Labour Advisory Council, kita bawa ke Dewan ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam tahun 1969 bila Kerajaan bawa pindaan-pindaan baru atas undang-undang buruh ada juga Kesatuan-kesatuan Sekerja membangkang. Kerajaan ada beri jaminan di masa akan datang akan disiasat dan dipinda undang-undang buruh, tetapi sampai sekarang sudah lima tahun tidak ada apa-apa yang terjadi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri jaminan dalam Dewan ini bila boleh dapat menyelesaikan pindaan-pindaan undang-undang buruh?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pindaan itu telahpun dibawa ke dalam Dewan ini pada tahun 1969 yang lepas.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa selalunya sebelum pilihanraya umum, Kerajaan akan bersikap sangat baik di atas jaminan-

jaminan dan janji-janji mengenai undang-undang buruh, tetapi selepas pilihanraya umum seperti tahun 1969, pindaan-pindaan telah dibuat untuk mengetat dan memperkenalkan (introduce) syarat-syarat yang lebih ketat, lebih restrictive seperti tahun 1969. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa selepas pilihanraya umum ini tidak akan lagi berlaku peristiwa di mana undang-undang atau pindaan-pindaan akan dibentangkan untuk memperketatkan atau membawa pindaan-pindaan yang lebih restrictive kepada pekerja-pekerja atau kesatuan-kesatuan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dijanjikan oleh Kerajaan ada dijalankan, dan rakyat jelata telahpun maklum, tetapi setahu saya Parti Pembangkanglah yang selalu memaki Kerajaan lebih-lebih lagi bila hampir menjelang pilihanraya. Seperti saya telah terangkan tadi kita ada mengkaji semula Undang-undang Buruh, bukan sahaja Industrial Relations Act, tetapi Employment Ordinance dan lain-lain untuk memberi faedah kepada pekerja-pekerja dan menggalakkan modal datang ke negeri ini bagi semua (in the overall national interest).

RUKYAH/HISAB—KERJASAMA MALAYSIA-INDONESIA

15. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan adakah benar bahawa suatu mesyuarat di peringkat pegawai mengenai urusan dan pembangunan umat-umat Islam antara Malaysia dan Indonesia akan diadakan di Jakarta pada bulan hadapan, dan jika ya, nyatakan:

- (a) tujuannya; dan
- (b) adakah terdapat apa-apa rancangan untuk mengadakan gerakan bersama dalam bidang tabligh dan pendidikan dan sebagainya.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, suatu mesyuarat di peringkat pegawai telahpun diadakan di Jakarta selama 3 hari mulai 9hb Julai, 1974 yang lalu.

- (a) Tujuannya adalah untuk mendapatkan kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Indonesia di bidang

Rukyah dan Hisab untuk menentukan permulaan bulan Ramdhan dan hari-hari besar Islam yang lain.

(b) Pada dasarnya memanglah ada.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA— PUSAT PENYELIDIKAN DASAR

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) apakah tujuan sebenarnya pihak Universiti Sains Malaysia dan pihak Kerajaan menubuhkan "Policy Research Centre" di Universiti Sains Malaysia; dan

(b) siapakah pengarah pusat tersebut.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Tujuan U.S.M. menubuhkan Pusat Penyelidikan Dasar ataupun Policy Research Centre ialah untuk menjalankan penyelidikan di dalam bidang Pembangunan Kemasyarakatan, Ekonomi dan Kebudayaan yang difikirkan berguna untuk faedah negara.

(b) Profesor K. J. Ratnam menjadi Pengarah Pusat ini.

POTENSI PELANCUNGAN

17. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau akan memulakan suatu kajian mengenai potensi-potensi pelancungan di Sarawak dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memajukan pelancungan di Sarawak.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia pada masa ini sedang mengubal satu Pelan Induk Pelancungan bagi seluruh negara. Sekumpulan pegawai Perbadanan telah berada di Sarawak selama 2 minggu iaitu daripada 12hb hingga 26hb Jun, 1974 baru-baru ini. Di antara tempat-tempat yang dilawati termasuklah Kuching, Taman National Bako, Ulu Skrang, Sibul, Miri, Gua Niah dan Semantan. Hasil kajian tersebut akan dimaktubkan bersama dengan kajian-kajian yang telah dibuat untuk negeri-negeri lain dan akan digunakan sebagai asas gubahan Pelan Induk yang saya sebutkan tadi.

Sebenarnya langkah-langkah untuk memajukan pelancungan di Sarawak telahpun diambil selama ini sungguhpun terhad. Risalah-risalah mengenai Sarawak telah di-edarkan kepada pelancung-pelancung di Seberang Laut dan juga di Semenanjung Malaysia.

Perbadanan Kemajuan Pelancungan juga telah mengendalikan lawatan wartawan-wartawan khas (travel writers) dan pembuat filem (film crews) dari luar negeri ke Sarawak. Adalah dijangka bahawa hasil daripada langkah-langkah yang telah dan akan diambil akan mempesatkan lagi pelancungan Negeri Sarawak.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan hal pelancungan ini apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian yang berkenaan supaya syarikat-syarikat yang menjalankan perusahaan pelancungan dapat melatih pemandu-pemandu pelancung supaya mereka benar-benar mengetahui keadaan-keadaan yang ada di Malaysia. Sekarang ini ada sebahagian daripada pemandu-pemandu pelancung itu kurang mengetahui tentang keadaan-keadaan di Malaysia, khususnya dalam bidang sejarah dan keadaan-keadaan setempat. Kalau pelancung bertanya kepada pemandu itu, jawapannya tidak begitu betul ataupun langsung tidak tahu.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, itu soalan lain.

Tuan Edwin anak Tangkun: Tuan Yang di-Pertua, soalan, tambahan. Oleh kerana pelancung-pelancung makin bertambah tiap-tiap hari di Negeri Sarawak, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat hotel yang tinggi sekali di Negeri Sarawak supaya pelancung itu dapat duduk di hotel yang baik, tidak duduk di hotel yang tidak baik supaya nama Malaysia dan Negeri Sarawak akan lebih baik. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk masa yang akan datang?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kajian sedang dibuat dan soal pendirian hotel ini akan dimasukkan di dalam kajian ini dan pelan induknya. Walau bagaimanapun, saya diberitahu oleh seorang yang ada kuasa di sana bahawa satu projek hotel yang besar mungkin akan didirikan di sana.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa usaha-usaha yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu mengeluarkan pamphlet, filem dan mendirikan hotel-hotel baru di Sarawak hanya dibuat ketika Kerajaan Campuran Negeri Sarawak memerintah Negeri Sarawak, dan tidak ada dibuat apa-apa ketika Kerajaan SNAP memerintah di sana.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, memang benar. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa sekarang ini ada sebahagian kecil orang-orang yang terlibat dalam hal pelancungan ini memberi keterangan yang tidak betul kepada pelancung-pelancung dalam beberapa segi. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri berkenaan dan apakah tindakan selanjutnya untuk membetulkan keadaan seperti ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu membaca soalan. Soalan ini ialah soalan kajian potensi-potensi di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak membaca soalan ini agaknya. (*Ketawa*).

KAWALAN HARGA BARANG-BARANG

18. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya kawalan harga akan memberi kesan terutama di kawasan-kawasan luar bandar dan bagaimanakah Kerajaan akan menentukan bahawa barang-barang di bawah kawalan harga akan didapati oleh pengguna-pengguna dengan bekalan yang secukupnya.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong pada 18hb Julai yang lalu dan telahpun saya jawab dengan jelasnya.

PERDAGANGAN MALAYSIA- TAIWAN

19. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyak perdagangan antara Malaysia dan Taiwan bagi tahun-tahun 1971, 1972 dan 1973, dan apakah akibatnya nanti berhubung dengan perdagangan kita dengan Taiwan setelah kita menubuhkan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah perdagangan di antara Malaysia dengan Taiwan bagi tahun-tahun 1971-1973 adalah seperti berikut:

Tahun	Ekspot	Impot	Jumlah Perdagangan
	(M\$ Juta)		
1971	... 73.53	76.10	149.68
1972	... 52.70	99.02	151.72
1973	... 86.13	133.40	219.53

Wujudnya perhubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China tidak akan menjejaskan perdagangan antara Malaysia dengan Taiwan, oleh kerana perdagangan antara kedua-dua negeri ini telah sedia ujud atas dasar "rakyat ke rakyat", dan perhubungan seperti ini akan diteruskan di masa hadapan.

ZIARAH ANAK ISTERI DI MALAYSIA—PERMOHONAN

20. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang permohonan-permohonan daripada orang-orang asing yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia untuk menziarahi anak isteri mereka yang berada di Malaysia bagi tempoh selama setahun dan selepas itu untuk tinggal tetap dengan syarat-syarat yang baik.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan telah pun memberi kemudahan bagi orang-orang asing menziarahi anak isteri mereka yang berada di Malaysia. Tetapi tempoh tinggalnya adalah berasaskan kepada "merit" satu-satu kes itu. Tentang soal menetap pula, peruntukan-peruntukan di bawah Immigration (Prohibition of Entry) Order, 1963

adalah memadai demi kepentingan negeri ini dan Kerajaan tidak bercadang untuk memasukkan golongan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN—KEENGGANAN SWASTA

21. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa terdapat banyak pihak-pihak swasta yang enggan membantu kaum Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun dijelaskan dalam Persidangan Dewan ini pada 29hb April, 1974 yang lalu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Omar yang telah mengemukakan soalnya dengan hasrat yang sama.

PEKERJA KILANG WANITA LEBIH MASA

22. Tuan V. Veerappen minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa berlawanan dengan peruntukan Ordinan Pekerjaan yang menghendaki supaya wanita-wanita dan gadis-gadis tidak disuruh bekerja selepas pukul 11.00 malam, banyak kilang-kilang yang memaksa gadis-gadis bekerja malam sehingga lewat pagi, oleh yang demikian menggalakkan perbuatan-perbuatan sumbang dan kegiatan jantina, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh beliau untuk mencegah perbuatan-perbuatan yang tidak diinginkan ini.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa ada terdapat banyak kilang-kilang yang menggajikan perempuan-perempuan muda untuk bekerja selepas jam 11.00 malam tanpa kebenaran dari saya untuk berbuat demikian. Sekiranya Ahli Yang Berhormat bagi Seberang Selatan dapat melapurkan kepada saya kes-kes tertentu, saya suka meyakinkan

beliau yang Kementerian saya akan mengambil tindakan yang perlu untuk mendakwa majikan-majikan yang berkenaan.

KEWARGANEGARAAN— PERMOHONAN

23. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan di bawah Borang "G" yang telah dibuat dalam setiap tahun mulai 1957 hingga sekarang dan bilangan permohonan yang telah dilulus dan yang ditolak dalam masa tersebut memberi angka-angka menurut pecahan kaum.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Borang "G" hanyalah telah digunakan bagi permohonan-permohonan kewarganegaraan semenjak 1-7-63 sahaja. Oleh itu, angka-angka seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat diberi dalam tahun-tahun sebelum tarikh tersebut. Selain daripada itu, adalah tidak menjadi amalan Kementerian ini menyimpan perangkaan mengikut pecahan kaum. Walau bagaimanapun, bilangan permohonan-permohonan menggunakan Borang "G" yang telah diterima, dilulus dan ditolak mulai 1-7-63 sehingga 25-5-74 adalah seperti berikut:

Tahun	Diterima	Diluluskan	Ditolak
1963			
(daripada 1/7) ...	—	—	—
1964 ...	544	I	—
1965 ...	1,890	432	—
1966 ...	4,021	1,882	224
1967 ...	6,252	2,423	—
1968 ...	6,580	2,380	874
			1,085
1970 ...	7,125	2,455	915
1971 ...	4,513	1,834	3,181
			2,927
1973 ...	1,447	2,074	3,390
1974 ...	411	284	432
(Januari sehingga 25-5-74)			

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi bahawa kerakayatan orang-orang asing bertambah dari setahun ke setahun yang mendiami dalam negeri ini, tidakkah Kerajaan berfikir akibat-akibat yang akan menimpa bumiputra negeri

ini, jika dari satu masa ke satu masa kedatangan bangsa asing ini akan melimpah ke negeri ini? Kita mesti ingat bahawa sebagai sebuah negara demokrasi, pesanan daripada salah seorang pemimpin bangsa Melayu, Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar telah berkata bahawa pada suatu masa orang Melayu (bumiputra) negeri ini akan tenggelam di atas daratan. Pesannya itu, "tenggelam di atas daratan" bukanlah lain tetapi tenggelam undi:

Kelip-kelip disangka api,
Kalau api mana dapurnya,
Hilang ghaib Melayu mati,
Kalau mati mana kuburnya?

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar sudah terbukti; contohnya sudah ada iaitu sebuah negara jiran tetangga kita pada hari ini di Singapura:

Kura-kura di rumpun keladi,
Mati di tikam

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, apa soalnya?

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak bertanya, tetapi oleh kerana sedap sangat pantunnya lupa semuanya sekali (*Ketawa*). Sila habiskan pantun itu dan berbalik semula kepada soalan asal.

Tuan Hashim bin Gera: Boleh. Pantun ini untuk penyedap telinga mendengarnya. Contohnya sudah ada, negara jiran tetangga kita iaitu Singapura:

Kura-kura di rumpun keladi,
Mati ditikam dengan serampang,
Di Singapura apa telah terjadi,
Bumiputra jatuh menumpang.

Jika demikian itu ditambahkan, tidakkah Kerajaan memikirkan akibatnya akan berlaku?

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya itu?

Tuan Hashim bin Gera: Soalnya, adakah Kerajaan memudahkan atau melonggarkan apa sahaja yang hendak datang ke Malaysia ini diberi tempat duduk?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sama sekali tidak bimbang atas kemasukan orang-orang asing menjadi rakyat negara ini, kerana kita mengetahui Perlembagaan negara kita telah terang menyebutkan, setiap rakyat asing yang hendak menjadi rakyat negara ini mestilah menurut peraturan dan undang-undang yang telah tercatat di dalam Perlembagaan kita. Tetapi walau bagaimanapun, Kerajaan adalah sangat berhati-hati dalam menerima orang-orang asing untuk menjadikan rakyat negara ini, dan dengan kerana itu setiap permohonan adalah diberi perhatian yang khusus dan juga diberi pertimbangan yang adil mengikut keadaan pemohon-pemohon. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan orang-orang Melayu seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa orang-orang Melayu, saya rasa tidaklah bimbang di atas kemasukan bangsa-bangsa asing di dalam negara ini, kerana pantun Ahli Yang Berhormat itu boleh dijawab:

Kelip-kelip disangka api,
Kalau api mana pontongnya,
Melayu sedikit pun tidak takut mati,
Kerana Malaysia tanahairnya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar antara pemohon-pemohon yang telah lulus Bahasa Malaysia barangkali 3-4 tahun dan ada juga yang 5 tahun dahulu, mereka tidak ada membuat kesalahan dan mereka telah berkahwin di sini dan ada mempunyai anak di tanahair kita, mereka pada masa sekarang masih belum lagi mendapat kerakyatan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak menepati soalan yang asal.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang asal ialah mengenai pemohon-pemohon melalui Borang "G". Menteri yang berkenaan telah menyebutkan beberapa banyak permohonan melalui Borang "G" yang telah diluluskan dan yang telah ditolak. Saya hendak bertanya mereka yang telah lulus Ujian Bahasa Malaysia sejak 4-5 tahun dahulu tetapi malangnya belum mendapat kerakyatan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan asalnya ialah permohonan di bawah Borang "G", jadi dukacitalah saya tak dapat memberikan butir-butir mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, sesiapa yang tidak ada surat beranak tidak boleh memohon dengan lain-lain borang dan mestilah dihantar melalui Borang "G", tetapi sekarang saya dapati ada beribu-ribu orang yang tidak ada surat beranak. Undang-undang Pendaftaran Beranak ini mula dibuat di tanahair kita pada tahun 1922, sebelum itu ada juga orang yang lahir di sini, tetapi tidak ada surat beranak. Bagaimanakah orang-orang itu, bolehkah mereka dapat kewarganegaraan melalui Borang "G"?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Soalan itu tidak ada kaitan dengan soalan yang ditimbulkan atas soalan asal tadi, kerana dalam soal asalnya ialah permohonan di bawah Borang "G".

LAMBANG PASUKAN ASKAR MELAYU DI RAJA

24. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa Pasukan Askar Melayu menjadi tulang belakang Angkatan Tentera dan dibanggakan oleh rakyat tetapi lambangnya "Askar Melayu" tidak lagi digunakan menurut keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Angkatan Tentera; jika sedar, adakah beliau akan memberi jaminan bahawa keputusan itu akan ditarik balik dan digunakan semula lambang itu supaya Pasukan tersebut dapat dibanggakan oleh rakyat dan menjadi punca galakan sebagai tulang belakang Angkatan Tentera.

Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa lambang Pasukan Askar Melayu di Raja tidak lagi digunakan. Mengikut Peraturan-peraturan pakaian Angkatan Tentera yang dikeluarkan baru-baru ini lambang tiap-tiap satu Corps/Rejimen dalam bentuk lencana akan dipakai pada saku kanan baju anggota-anggota pasukan itu. Bekalan lencana-lencana itu sudah pun dipesan tetapi masih belum diterima daripada kontrektor yang terlibat itu.

BADAN-BADAN KEBAJIKAN SUKARELA—PERUNTUKAN

25. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menambah lagi peruntukan wang kepada Pertubuhan-pertubuhan Sukarela seperti Majlis Kebangsaan Kebajikan Masyarakat, Malaysia, Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia dan badan-badan Kebajikan yang lain; jika ya, nyatakan samada beliau bercadang mengkaji semula peruntukan wang yang ada, memandangkan kepada bantuan yang tidak mencukupi kepada penerima-penerima di Negeri-negeri dalam Malaysia, yang tidak dapat menghadapi perbelanjaan hidup pada masa sekarang.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, badan-badan kebajikan sukarela setakat mana yang mungkin mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan berdiri di atas kakinya sendiri dari segi kewangan untuk menjalankan kegiatan-kegiatannya tanpa terlalu bergantung kepada Kerajaan. Buat masa ini saya belum lagi bercadang untuk menambah bantuan yang diberi kepada badan-badan sukarela. Walau bagaimanapun, saya bersedia menimbangkan dari masa ke semasa permohonan-permohonan daripada badan-badan sukarela untuk menambahkan bantuan mengikut "merit" masing-masing dan tertakluk kepada peruntukan yang ada.

PINJAMAN BUKU

26. Tuan Chan Foo King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan dengan lebih lanjut lagi sistem "pinjaman buku" yang dicadangkan akan diperkenalkan pada tahun depan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya sudahpun menjawab soalan yang serupa pada 19hb Julai, 1974 dan tidak ada apa-apa tambahan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(*Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 27 hingga 62 adalah diberi di bawah ini*)

CASINO—LESEN

27. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan semula keputusan untuk memberi lesen bagi menjalankan sebuah Casino di Pulau Pinang.

Menteri Kewangan (Tun Haji Abdul Razak): Ia.

SURATKHABAR—KUATKUASAKAN AKTA HASUTAN

28. Tuan Ng Hoe Hun bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah beliau sedar bahawa suratkhobar-suratkhobar yang tertentu di negara ini menyiarkan berita mengenai masalaah-masalaah perkauman yang merbahaya setiap hari, dan jika ya, bilakah Kerajaan akan menguatkuasakan Akta Hasutan ke atas suratkhobar-suratkhobar ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan sentiasa mengawasi perkara ini dan tidak beragu-ragu mengambil tindakan yang sewajarnya jika berlaku perkara ini.

LAPANGAN TERBANG BAYAN LEPAS

29. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perhubungan menyatakan memandangkan bahawa lapangan terbang Bayan Lepas di kawasan Parlimen Pulau Pinang Selatan akan diperbesarkan untuk pendaratan kapalterbang-kapalterbang besar seperti Jumbo Jet Boeing 747 adakah apa-apa rancangan untuk membina sebuah bangunan yang baru dan moden untuk lapangan terbang ini oleh kerana bangunan yang ada sekarang sangat kecil dan lama serta dengan sebab Pulau Pinang menjadi tempat kunjungan pelancung-pelancung.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Memang diakui tentang perlunya satu bangunan terminal yang baru dan dengan sebab itulah satu rancangan telah dibuat untuk sebuah bangunan terminal, dengan kemudahan-kemudahan baik untuk penerbangan tempatan maupun antarabangsa yang ketika ini sedang di dalam peringkat rekaan bentuk yang akhir. Kemudahan-kemudahan sosial

yang lain seperti kedai dan restoran juga akan disediakan. Ruang untuk bangunan itu apabila siap di akhir tahun 1976 akan menampung kegunaan untuk 1,000 orang penumpang pada satu-satu masa.

TALIPON GEORGETOWN—LUARBANDAR—PANGGILAN

30. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa panggilan-panggilan talipon dari Bandaraya Georgetown ke tempat-tempat di luarbandar seperti Batu Uban, Sungei Nibong, Bayan Lepas dan Balik Pulau tidak dapat didengar dengan jelas dan kadangkala tidak kedengaran langsung. Jika sedar, adakah apa-apa rancangan untuk memperbaiki sistem talipon sekarang atau menukarkan ke sistem yang baru supaya penduduk-penduduk kawasan Parlimen Pulau Pinang Selatan akan mendapat perkhidmatan talipon yang memuaskan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Untuk memperbaiki lagi perkhidmatan talipon, kabel yang baru sedang dibina dari Ibusawat Talipon Pulau Pinang ke Batu Uban, Sungei Nibong dan Bayan Lepas. Projek ini dijangka akan siap pada hujung bulan Ogos tahun ini.

Oleh sebab perkara ini adalah diper-timbangkan segera, maka Jabatan Talikom sedang memeriksa projek ini dengan tujuan mencari jalan lain untuk memberi hubungan yang baik lagi.

TALIPON DI MAHKAMAH DAERAH BALIK PULAU

31. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah apa-apa rancangan untuk memasang talipon di Mahkamah Daerah Balik Pulau oleh kerana kemudahan ini mustahak dalam Mahkamah Daerah yang sekarang tiada mempunyai talipon.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Permohonan adalah tidak diterima dari Mahkamah Daerah Balik Pulau untuk perkhidmatan talipon di pejabat tersebut. Sekiranya permohonan itu dikemukakan pertimbangan segera akan diberi.

PADI—TEKNIK TANAMAN DI CHINA

32. Tuan Chan Siang Sun minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau akan menimbang menghantar satu rombongan penanam-penanam padi Malaysia ke Negeri China untuk memperbaiki teknik penanaman padi kita.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Apabila Pejabat Kedutaan bagi kedua-dua negeri ditubuh kelak, kita akan boleh mendapati maklumat lanjut berkenaan dengan teknik penanaman padi di negeri China dan pada masa itu Kementerian ini akan mengkaji dan menimbang langkah-langkah yang patut diambil.

MINYAK DIESEL

33. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sebab-sebab minyak diesel tidak boleh didapati di setengah-setengah tempat menjual minyak di seluruh tanahair kita ini; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini supaya jangan mengganggu rancangan-rancangan pembangunan luarbandar dan juga pengangkutan dan industri negara kita.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):

- (a) Masaalah kekurangan minyak diesel tempohari timbul mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti:
 - (i) penyorokan oleh pihak-pihak yang tertentu;
 - (ii) pembelian yang berlebih-lebihan oleh pengguna-pengguna yang berpendapat bahawa harga minyak akan naik;
 - (iii) setengah pengilang-pengilang yang biasanya membeli secara contract kini membeli diesel mereka di stesyen-stesyen minyak;
 - (iv) "Floating-Volume" oleh kerana terdapat perbezaan harga di antara Malaysia dan Singapura maka pengguna-pengguna yang dahulunya mendapat minyak dari Singapura mulai membeli dari Johor Bahru; dan

(v) perkembangan pembangunan yang bermakna bertambahnya penggunaan minyak diesel.

- (b) Untuk menjamin bekalan yang cukup, Kerajaan telahpun mendapat jaminan daripada semua syarikat-syarikat minyak untuk menyempurnakan bekalan yang cukup untuk keperluan negara dengan menaikkan harga diesel sebanyak 8 sen segelen, dan harga ini adalah harga ekonomik. Juga "surtax" yang sebanyak 4% ke atas minyak diesel yang diimpot itu juga telah dihapuskan.

HUBUNGAN DIPLOMATIK— TUKARAN LAWATAN

34. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan setelah terjalinnya hubungan diplomatik dengan China, bilakah sekatan perjalanan antara kedua-dua negara ini dibatalkan untuk membolehkan pertukaran lawatan kalangan kalangan perniagaan, profesyenal, pelajar-pelajar, wartawan-wartawan dan pelancung-pelancung bagi mengeratkan lagi perhubungan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan ini telah saya jawab ketika menjawab soalan No. 10 pada 17hb Julai, 1974.

SISWAZAH BUMIPUTRA— PUSAT PENGAJIAN SAINS

35. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Samada benar bahawa dalam Majlis Konvokesyen yang ketiga Universiti Sains Malaysia pada 15-6-1974 baru-baru ini, tidak terdapat seorang pun siswazah Bumiputra yang lulus dari Pusat Pengajian Sains dengan Pendidikan (bakal guru-guru Sains); dan
- (b) Samada jurusan ini menjadi monopoli mahasiswa-mahasiswa bukan Bumiputra sahaja.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):

- (a) Benar.
- (b) Tidak.

DADAH PERUBATAN/ UBAT-UBAT—CUKAI

36. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) jumlah cukai yang dikenakan ke atas dadah-dadah perubatan dan ubat-ubat yang diimport ke negara kita; dan
- (ii) samada Kerajaan akan menimbang menghapuskan cukai ke atas dadah-dadah dan ubat-ubat yang diimport supaya barang-barang ini dapat dibeli dengan harga yang murah di negara kita.

Tun Haji Abdul Razak:

- (i) Kadar duti import yang dikenakan bergantung kepada jenis dadah-dadah perubatan dan ubat-ubat. Jika sekiranya ubat-ubat ini adalah (a) ubat-ubat malaria (anti-malarial medicaments) (b) ubat-ubat untuk digunakan dalam suntikan (medicament in ampoule or similar form for intradermal, parenteral or intravenous injection) (c) ubat-ubat dalam kumpulan A, B atau C dalam Ordinan Racun, 1952) (d) ubat-ubat "British Pharmacopeia" dan lain-lain yang bukan pil atau dalam capsule, duti import tidak dikenakan. Dadah perubatan dan ubat-ubat selain daripada yang saya sebutkan tadi dikenakan duti import sebanyak 25%.
- (ii) Kerajaan tidak bercadang hendak menghapuskan duti import ke atas dadah-dadah perubatan dan juga ubat-ubat lain kerana banyak daripada ubat-ubat ini sekarang sudah pun tidak dikenakan cukai import. Lagi pun sebarang tindakan bagi menghapuskan duti dijangka tidak akan mengurangkan harga-harga terutama dalam masa inflasi seperti sekarang ini dan akibatnya akan hanya menimbulkan kehilangan hasil kepada Kerajaan.

WARGANEGARA MALAYSIA— UJIAN BAHASA

37. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan mengadakan ujian Bahasa Malaysia yang mudah untuk orang-orang

yang mempunyai kelayakan menjadi warga-negara Malaysia, jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak. Pada hemat saya Ujian Bahasa yang diadakan sekarang adalah sesuai dan jika direndahkan lagi mutunya maka ujian itu tidak lagi bermakna.

PENJUAL RUNCIT

38. Tuan Chuan Fu King minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar pekedai-pekedai runcit telah menghadapi banyak masalah selepas syarat menghendakkan mereka mempunyai lesen untuk menjual barang-barang kawalan dikuatkuasakan; Jika ia, samada Kementerian beliau bercadang membatalkan sistem buku stok bagi menjual barang-barang kawalan oleh pekedai-pekedai runcit.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onu): Saya tidak sedar.

Penjual-penjual runcit adalah dikehendaki menyenggarakan suatu buku stok bagi tiap-tiap pembelian barang-barang berjadual dan tidak bagi penjualan barang-barang itu. Barang-barang ini ialah gula, tepung gandum, minyak tanah, baja dan minyak masak. Sistem ini adalah mengikut peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974, dan bertujuan semata-mata untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna dan peruncit-peruncit. Sistem ini dikuatkuasakan memandangkan kepada penyorokan yang menjadi-jadi ke atas barang-barang yang berkenaan itu, dan jelaslah bahawa dengan adanya istem ini sebagai satu daripada langkah-langkah Kempen Anti-Sorok kejadian-kejadian penyorokan pada masa ini telahpun berkurangan. Oleh yang demikian, Kementerian saya tidak bercadang hendak membatalkan sistem yang ada sekarang.

PEJABAT SETEM JALAN ALI PITCHAY

39. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar akan kesusahan, kesengsaraan dan ketakselesaan yang dirasakan tiap-tiap hari oleh orang ramai di Ipoh oleh sebab terpaksa pergi ke Pejabat Setem di Jalan Ali

Pitchay yang jauhnya lebih kurang $1\frac{1}{2}$ batu dari Ibu Pejabat Kerajaan, Pejabat Pos, Pejabat Tanah, Pejabat-Pejabat Peguambela dan Peguamcara dan pusat perniagaan hanya oleh kerana untuk menyetem dokumen-dokumen mereka jika ya :

- (a) adakah beliau akan ambil tindakan-tindakan segera untuk memindahkan Pejabat Setem ini ke mana-mana tempat yang dekat dengan Ibu Pejabat Pos atau Ibu Pejabat Kerajaan untuk mengelakkan kesengsaraan dan ketakselesaan dan belanja yang tidak perlu yang mesti dialami oleh orang ramai di Ipoh; dan
- (b) ataupun adakah beliau setidak-tidaknya menimbang membenarkan penyeteraan Surat Sumpah berharga hanya sekeping setem \$2 dapat dibuat di Pejabat Pos.

Tun Haji Abdul Razak:

- (i) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat ketahui, pejabat Hasil Dalam Negeri di mana juga terdapat pejabat setem di Jalan Ali Pitchay tidaklah begitu jauh daripada Pejabat Besar Pos ataupun daripada kawasan perniagaan Ipoh dan oleh itu saya fikir tidaklah ada sebab mengapa pejabat itu patut dipindahkan.
- (ii) Berkenaan dengan cadangan kedua, perkara ini ialah satu perkara pentadbiran yang mana boleh diberi perhatian dan pertimbangan jika sekiranya perkara itu menimbulkan masalah yang berat kepada rakyat.

ELAUN BANTUAN KHAS

40. Dr A. Soorian minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan :

- (i) adakah beliau sedar bahawa banyak syarikat swasta tidak membayar COLA kepada pekerja-pekerja mereka; dan
- (ii) jikasedar, samada beliau akan mengemukakan suatu undang-undang untuk memaksa majikan-majikan membayar COLA kepada pekerja-pekerja mereka supaya mereka dapat menentang inflasi.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (i) Saya tidak begitu jelas akan apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dengan istilah COLA itu, tetapi sekiranya apa yang beliau maksudkan ialah Elaun Bantuan Khas, sejauh mana yang saya ketahui, kebanyakan dari firma-firma yang besar ada membayar Elaun Bantuan Khas kepada pekerja-pekerja mereka. Saya juga sedia maklum bahawa masih terdapat beberapa firma yang terkenal yang masih belum membayar elaun tersebut kepada pekerja-pekerja mereka. Saya suka menggesa syarikat-syarikat tersebut supaya membayar elaun tersebut tanpa berlengah-lengah lagi.
- (ii) Pengalaman telah menunjukkan bahawa cara menggesa adalah memadai untuk memberi hasil yang dikehendaki, dan oleh itu, satu perundangan untuk memaksa majikan-majikan membayar Elaun Bantuan Khas adalah tidak perlu.

GULA PASIR

41. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa peratus gula yang dihasilkan oleh kilang-kilang dan perusahaan gula di negara kita, berapa peratus gula yang masih diimpor dari luar negeri dan berapa jumlah subsidi Kerajaan untuk menjaga kestabilan harga gula yang digunakan dalam negeri kita.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): 100% keperluan gula pasir dalam negeri adalah dipenuhi oleh pengeluaran gula tempatan melalui kilang-kilang penapis gula yang ada sekarang di dalam negara. Apa yang masih diimpor ialah 95% (345,000 metrik ton) daripada gula mentah yang masih belum dapat dipenuhi sementara menunggu hasil daripada rancangan-rancangan tanaman tebu yang telahpun mula dilaksanakan di beberapa kawasan tertentu.

Kerajaan telah memberi pembiayaan secara tidak langsung dalam bentuk pengecualian cukai samada cukai eksais ataupun cukai impot. Setakat ini, Kerajaan telah

memberi pembiayaan cukai eksais terhadap gula sebanyak \$153.82 sen satu tan di Semenanjung Malaysia dan pengecualian separoh cukai impot sebanyak \$129.80 sen di Sabah dan Sarawak. Jumlah kerugian kepada kerajaan adalah dianggarkan sebanyak \$27 juta dalam masa separuh tahun pertama 1974. Sekiranya pengecualian cukai ini tidak diberi, harga gula pasir yang sebenarnya ialah 60 sen satu kati di Semenanjung Malaysia dan tidak 50 sen sebagaimana yang terdapat pada masa ini. Dalam Tahun 1972 dan 1973, Kerajaan telah juga memberi subsidi secara tidak langsung dalam bentuk pengecualian cukai eksais dan impot dan kerugiannya adalah dalam lingkungan \$32.7 juta.

PEGAWAI PERUBATAN DI SABAH

42. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada bilangan doktor Kerajaan yang berkhidmat di Sabah sekarang itu mencukupi untuk merawat seluruh rakyat di negeri tersebut; jika tidak, samada bilangannya akan ditambah segera atau nyatakan cara-cara lain untuk mengatasi kekurangan itu;
- (b) samada beliau sedar bahawa ada ura-ura yang doktor-doktor Kerajaan di Sabah bercadang hendak meletakkan jawatan untuk membuka perniagaan sendiri dengan sebab gaji mereka itu terlalu rendah; jika ya, nyatakan samada Kerajaan akan mengkaji semula gaji doktor-doktor yang berkhidmat di Sabah serta menjamin bahawa rakyat Sabah akan dapat rawaatan doktor yang sempurna setiap masa; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa alat-alat kelengkapan di hospital-hospital Sabah amat berkurangan dan samada Kerajaan bercadang hendak mengatasi kekurangan tersebut.

Menteri Kesihatan . (Tan Sri Lee Siok Yew):

- (a) Kementerian Kesihatan adalah sedar bahawa bilangan pegawai perubatan Kerajaan di negeri Sabah masih belum mencukupi. Semenjak bulan Januari 1974 seramai 12 pegawai perubatan telah dilantik terus oleh Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam, Cawangan Sabah ataupun dilantik secara pinjaman dari Semenanjung Malaysia sementara kontrak dua orang pegawai perubatan dan satu pakar belah telah dibaharui. Seorang pakar belah yang diambil di United Kingdom akan melapurkan diri di Sabah tidak beberapa lama lagi dan perlantikan enam orang lagi pegawai perubatan sedang diuruskan.

Dengan perlantikan pegawai-pegawai yang tersebut di atas bilangan pegawai perubatan Kerajaan di negeri Sabah akan bertambah baik.

- (b) Kementerian Kesihatan adalah sedar bahawa beberapa orang pegawai perubatan tempatan di Sabah telah meletakkan jawatan dan membuka klinik mereka sendiri.

Tanggagaji pegawai perubatan yang baru telahpun dilaksanakan semenjak bulan Januari 1970. Di bawah tanggagaji baru ini seorang pegawai perubatan yang baharu sahaja tamat latihan houseman diberi gaji \$1,050 sebulan dan meningkat hingga \$1,800 maksima sebulan berbanding dengan \$870 sebulan dan \$1,420 maksima sebulan sebelum tanggagaji baru ini dilaksanakan. Sebagai tambahan di bawah gaji baru ini pegawai-pegawai perubatan juga adalah layak menerima elaun wilayah sebanyak 15% hingga 17½% gaji bersih tiap-tiap bulan.

- (c) Sebilangan besar dari alat-alat yang diperlukan di hospital ada dibekalkan ke hospital-hospital dan dalam beberapa tahun yang lalu banyak lagi alat-alat baru telah dibekalkan sebagai tambahan atau menggantikan alat-alat yang lama.

SEKOLAH RENDAH (CHINA) LUKUT—PADANG PERMAINAN

43. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan telah menerima sepucuk memoranda dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) di Lukut meminta supaya sebuah padang permainan dibina di sana; jika ya, nyatakan langkah yang telah diambil ke atas memoranda itu.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Belum. Tetapi Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan ada meminta supaya Kementerian Pelajaran membeli 5½ ekar tanah untuk padang permainan sekolah ini. Perkara ini dalam perhatian Kerajaan.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA— BAHASA ARAB

44. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa pelajaran Bahasa Arab tidak diajar di Pusat Pengajian Bahasa di Universiti Sains Malaysia, sedangkan bahasa-bahasa lain seperti Thai, Korea, Jepun ada diajar. Jika ya kenapa, dan bilakah Bahasa Arab itu akan diajar di Universiti tersebut.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Benar, pengajaran bahasa asing di Universiti tersebut ada berkaitan yang rapat dengan kursus-kursus yang diadakan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Walau bagaimanapun kursus-kursus bahasa itu diadakan mengikut keutamaan dan kursus Bahasa Arab akan diadakan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun hadapan.

INSTITIUT TEKNOLOJI MARA— PENUTUPAN

45. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebabnya di sebalik bantahan penuntut-penuntut baru-baru ini yang mengakibatkan penutupan I.T.M. dan adakah terdapat sebarang kecederaan akibat pertempuran pihak polis dan penuntut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya telahpun membuat satu kenyataan mengenai kejadian di Institiut Teknologi MARA di Dewan Rakyat pada 22hb April, 1974. Saya telah tidak menerima apa-apa lapuran yang mengatakan bahawa penuntut-penuntut yang berkenaan itu telah mengalami kecederaan-kecederaan yang serious apabila dirempuh oleh pihak Polis. Kecederaan ringan seumpama calar-balar mungkin telah berlaku.

WILAYAH THAILAND— UCAPAN DATUK ASRI

46. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri samada beliau sedar bahawa Yang Berhormat Datuk Asri, Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas pernah membuat ucapan menyokong Pergerakan Pengasingan Wilayah Thailand dan Kerajaan Thailand ada membuat bantahan mengenai perkara ini, dan jika ya, samada beliau sedar bahawa ucapan yang demikian boleh merosakkan hubungan antara Thailand dan Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya percaya Ahli Yang Berhormat telah membaca kenyataan Kerajaan yang telah diumumkan melalui siaran am.

PERLINDUNGAN POLITIK (POLITICAL ASYLUM)

47. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah Kerajaan tidak beri-perlindungan kepada pemberontak-pemberontak pembebasan orang-orang Islam di Thai Selatan seperti yang diberi kepada pemberontak-pemberontak pembebasan Muslim di Filipina Selatan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan berpandu kepada amalan antarabangsa dalam soal memberi perlindungan politik (political asylum). Sesiapa saja yang membuat permintaan demikian akan diberi pertimbangan.

NAJIS DISALURKAN KE JELUTUNG

48. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan samada beliau sedar bahawa najis manusia dari Georgetown disalurkan ke laut di Jelutong tanpa dicampur sebarang ubat kimia dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil oleh Kementeriannya supaya laut kita tidak akan terus dicemar.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Ya, saya tahu yang najis manusia dari Georgetown dipam sejauh 3,000 kaki dari pantai ke dalam saluran ke laut. Ini telah dilakukan sejak

1933 dan tidak terdapat bukti yang kecemasan atau dihanyut-balik ke pantai. Amalan ini sentiasa digunakan di lain-lain tempat dalam dunia termasuklah negara-negara yang maju. Tidak ada bukti yang cara pembuangan ini akan mendatangkan bahaya dengan syarat tempat pembuangannya terletak dengan betul di mana proses penapisan (dispersion and dilution) yang cukup diadakan. Dan juga tidak ada bukti akan membahayakan kehidupan laut dan manusia.

PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SABAH

49. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah caruman kepada Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim akan dikembalikan kepada pencharum-pencharumnya di Sabah.

Tun Haji Abdul Razak: Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah Bab 156) hanya memperuntukkan pengembalian caruman kepada pencharum-pencharum bujang dan pencharum-pencharum yang telah menjadi duda tanpa mempunyai anak-anak yang belum dewasa. Untuk membolehkan pengembalian caruman kepada pencharum-pencharum lain dengan tujuan menggulung Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah, Ordinan yang dinyatakan perlu dipinda. Satu Rang Undang-undang bertajuk "Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan), 1974" telah disediakan untuk tujuan ini dan Rang Undang-undang tersebut akan dibentangkan di Persidangan Parlimen yang sedang berjalan sekarang. Sebaik sahaja Rang Undang-undang itu berkuatkuasa, Surat-surat Pekeliling dan borang-borang opsen akan diedarkan kepada pencharum-pencharum untuk membolehkan mereka memilih samada ingin terus menjadi pencharum dan menyimpan hak-hak mereka yang terakru di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah Bab 156) atau berhenti menjadi pencharum di bawah Ordinan tersebut dan mendapat balik caruman mereka.

BARISAN NASIONAL— MURID-MURID SEKOLAH

50. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk memaksa

murid-murid sekolah menghadiri rapat-rapat umum Barisan Nasional supaya meramaikan para hadirin, dan dengan itu merugikan masa pelajaran murid-murid itu, dan apa tindakan Kementerian beliau telah ambil terhadap pihak-pihak berkuasa sekolah yang memaksa murid-murid sekolah menghadiri rapat umum Barisan Nasional yang telah diadakan di Padang Kelab, Selangor pada 2hb Jun, 1974.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tidak. Tidak ada sekolah yang telah memaksa murid-murid menghadiri rapat umum tersebut.

IMIGERESEN/BURUH SABAH- SARAWAK—UNDANG-UNDANG

51. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri samada Sarawak dan Sabah akan terus mempergunakan undang-undang yang berlainan dalam hal-hal yang bersangkutan dengan imigresen, buruh dan lain-lain. Jika ya, dapatkah beliau menerima kebenaran bahawa perpaduan rakyat dan negara Malaysia adalah dalam keadaan bahaya. Apakah langkah yang sudah diambil untuk mengatur dan membawa Sabah dan Sarawak kebawah jagaan Kerajaan Pusat dengan undang-undang yang sama dipatuhi oleh kesemua sebelas negeri di Semenanjung Malaysia.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Adalah menjadi tujuan Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, pada jangka panjangnya, untuk mempunyai undang-undang yang sama mengenai soal imigresen, Buruh dan lain-lain.

Dalam hal Imigresen, Jawatankuasa Antara Kerajaan (Peringkat Pegawai) yang mengandungi wakil dari Kerajaan Pusat, Kerajaan Sabah dan Sarawak telahpun membuat beberapa perakuan mengenai soal imigresen kepada Jawatankuasa Antara Kerajaan peringkat Menteri yang bertujuan menyelaraskan peraturan-peraturan imigresen. Pada masa ini, tidaklah dapat saya menyatakan butir-butir perakuan itu.

Sepanjang yang berkaitan dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, kebanyakan dari Akta-akta yang berkenaan dengan pelbagai tugas Kementerian itu telahpun dilanjutkan untuk meliputi Sabah

dan Sarawak. Sebagai contohnya, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Industrial Relations Act, 1967), Ordinan Majlis Gajigaji, 1947, (Wages Council Ordinance, 1947), Akta (Sekatan) Pekerjaan, 1968 (Employment (Restriction) Act, 1968), Ordinan Kesatuan-kesatuan Sekerja, 1959 (Trade Unions Ordinance, 1959) Akta Keselamatan Sosial Pekerja-pekerja 1969 (Employers' Social Security Act, 1969), dan Ordinan Maklumat Pekerjaan, 1953 (Employment Information Ordinance, 1953) telahpun dikuatkuasakan di negeri Sabah dan Sarawak.

Di mana terdapat undang-undang berlainan, dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat menganggapnya perlu disamakan, satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Menyelaras Undang-undang (Standardisation of Laws Committee) sedang menguruskan perkara ini di bawah Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan (National Joint Labour Advisory Council).

BERAS—HASIL

52. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don minta Timbalan Perdana Menteri menyatakan berapa peratus beras yang dihasilkan dalam negeri kita berbandingkan dengan penggunaan dan berapa peratus beras yang diimpot ke dalam negeri kita dengan memberikan nama negeri-negeri yang kita masih bergantung untuk mendapatkan beras bagi keperluan Negara.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Beras yang dihasilkan dalam negeri seluruhnya berbanding dengan penggunaan ialah sebanyak 83.6%. Beras yang diimpot dari luar negeri ialah sebanyak 18.4% iaitu dari Negeri Cina dan Negeri Thai.

PEGAWAI PENGURUS PILIHANRAYA—RAYUAN

53. Datuk James Wong Kim Min minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Suruhanjaya Pilihanraya gagal atau tidak memberi arahan atau taklimat kepada Peguam Kerajaan supaya bertindak bagi pihak Pegawai Pengurus Pilihanraya terhadap Rayuan Pilihanraya berkaitan dengan Pilihanraya Kecil Engklili-Skrang sehingga dua hari sebelum Rayuan itu dibicarakan

padahal Suruhanjaya telah menerima pemberitahu hampir tiga bulan lamanya bahawa Rayuan telah dikemukakan.

Perdana Menteri: Adalah tidak benar menyatakan Suruhanjaya Pilihanraya gagal atau tidak memberi arahan atau taklimat kepada Peguam Kerajaan supaya bertindak bagi pihak Pegawai Pengurus Pilihanraya terhadap rayuan pilihanraya berkaitan dengan Pilihanraya Kecil Engklili-Skrang.

Sebenarnya, sebaik sahaja Suruhanjaya Pilihanraya menerima bantahan menerusi Penyelia Pilihanraya Sarawak pada 29hb Januari, 1974, Suruhanjaya telah pada 7hb Februari, 1974, meminta Penyelia menghantarkan Lapuran Penuh seterusnya. Pada 2hb Mac, 1974, Suruhanjaya menerima Lapuran Penuh dan dokumen-dokumen rayuan berhubung dengan perkara tersebut. Pada 12hb April, 1974, Penyelia Pilihanraya Sarawak memaklumkan bahawa Pendaftar Mahkamah Tinggi, Sarawak telah menetapkan tarikh bagi rayuan pada 15hb Mei, 1974 yang akan diadakan di Mahkamah Tinggi, Kuching. Pada 18hb April, 1974 Suruhanjaya Pilihanraya telah memberitahu menerusi suratnya SPR. 966 (35) pada Peguam Negara dengan dokumen-dokumen supaya mengadakan bantuan guaman terhadap Pegawai Pengurus yang berkenaan.

Oleh demikian tidaklah betul menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya gagal bertindak dengan segera dalam perkara ini.

MAJLIS PENASIHAT PELINDUNG PENGGUNA KEBANGSAAN

54. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menubuhkan satu Kementerian Hal Ehwal Pengguna yang baru untuk melindungi kepentingan-kepentingan dan hak-hak pengguna, dan juga untuk membuat dan melaksanakan undang-undang pengguna untuk membanteras mereka yang mencari untung berlebihan, melawan penetapan harga sesuka hati dan penipuan pengguna-pengguna.

Perdana Menteri: Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada 16hb April, 1974 di Dewan ini, pada masa ini ada sebuah badan iaitu, Majlis.

Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan yang sentiasa memberi pandangan kepada beliau terutama dalam masalah harga untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna keseluruhannya. Undang-undang seperti Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kawalan Harga 1946 dan Akta Sewa-beli 1967 dibawah kawalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah mencukupi setakat ini untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna amnya.

Oleh itu tidaklah perlu ditubuhkan satu Kementerian Hal Ehwal Pengguna.

KELEPASAN AM AHAD KEPADA JUMAAT

55. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang mengkaji semula mengenai hari kelepasan am supaya diubah daripada hari Ahad kepada hari Jumaat kerana bersesuaian dengan tujuan kita hendak menggembelngkan segala tenaga bagi pembangunan rohaniah dan negara sebagai sebuah negara Islam.

Perdana Menteri: Saya telahpun menjawab soalan yang serupa di Dewan ini pada 28hb November, 1973.

KONGGERES INDIA MALAYSIA (M.I.C.)—PENYERTAAN EKONOMI

56. Tuan Chan Fu King minta Perdana Menteri menyatakan samada parti sesama di dalam Barisan Nasional iaitu MIC, telah menyatakan kepada beliau bahawa salah satu daripada Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mencapai matlamat 10% penyertaan ekonomi oleh orang-orang India dalam jangka masa 20 tahun. Jika ya, adakah ini diterima sebagai suatu dasar Kerajaan seperti penguasaan ekonomi sebanyak 30% oleh orang Melayu dan bumiputra dalam jangka masa 16 tahun lagi.

Perdana Menteri: Konggres India Malaysia (MIC) ada mengemukakan kepada Kerajaan satu rancangan yang bertujuan supaya kaum India di Malaysia mendapat peluang-peluang yang seimbang di dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa satu daripada tujuan Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan sejak tahun 1971 ialah untuk membasmi

kemiskinan di kalangan rakyat di negara ini tanpa mengira kaum. Untuk mencapai tujuan tersebut, strategi yang digunakan ialah untuk membahagi peluang-peluang yang semakin bertambah di dalam ekonomi negara ini supaya semua rakyat Malaysia akhirnya akan menikmati bahagian-bahagian yang saksama di dalam keseluruhan peluang-peluang yang terdapat. Ini adalah objektif kita di bawah Dasar Ekonomi Baru.

PRESIDEN NEE WIN KE MALAYSIA

57. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Presiden Nee Win dari Burma ke Malaysia dan apakah yang telah dibincangkan.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Lawatan tidak rasmi Presiden Nee Win ke Malaysia baru-baru ini adalah sangat berfaedah sekali kerana ianya membolehkan saya dan Presiden itu bertukar-tukar fikiran dan pendapat dalam perkara-perkara serantau, antarabangsa dan juga hubungan antara kedua buah negara. Lawatan beliau itu telah mengeratkan lagi hubungan rapat yang mesra antara negara kita berdua.

MENTERI BESAR SELANGOR— SIASATAN

58. Tuan Loh Jee Mee minta Perdana Menteri menyatakan samada siasatan yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara ke atas tuduhan bahawa Menteri Besar Selangor memiliki harta sebanyak 60 juta ringgit sudah selesai, jika ya, apakah keputusan siasatan itu; jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Siasatan yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara itu belum selesai lagi. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, siasatan ke atas kes-kes rasuah adalah sangat rumit dan memakan masa yang agak panjang. Biro Siasatan Negara adalah satu pertubuhan yang bebas dan cekap dan akan menjalankan tugasnya dengan adil.

PAKAR TEKNOLOJI/ PERTANIAN CHINA

59. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan Malaysia akan meminjam pakar-pakar teknologi dan pertanian daripada Republik Rakyat China untuk membantu Malaysia dalam bidang teknologi dan pertanian, jika ya, bila mereka akan tiba di sini dan berapa ramai akan dipinjam.

Perdana Menteri: Perbincangan kita dengan Republik Rakyat China setakat ini hanya meliputi penubuhan perhubungan diplomatik. Soal bantuan teknik tidak dibincangkan dan tidak timbul pada masa ini.

TAIWAN—PELAJAR MALAYSIA DI PENJARAKAN

60. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Luar Negeri menyatakan jika ada lagi pelajar-pelajar Malaysia ataupun warganegara kita yang kini dalam tahanan di Taiwan kerana apa yang dikatakan kegiatan-kegiatan politik dan subersif dan jika ya, apa langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk membebaskan rakyat kita daripada tahanan khasnya memandangkan bahawa kita telahpun menamatkan perhubungan kita dengan Taiwan.

Tun Haji Abdul Razak: Sepanjang yang diketahui, ada dua orang pelajar Malaysia yang dipenjarakan di Taiwan, atas tuduhan membuat perkara-perkara yang tidak diingini dalam bidang politik Taiwan. Walaupun kita telah cuba menolong, akan tetapi kita mendapati kesukaran untuk membuat utusan (representation) bagi pihak mereka kerana mereka dianggap oleh pihak berkuasa di Taiwan sebagai warganegara Taiwan.

KERUSI AHLI-AHLI PARLIMEN DI DEWAN

61. Tuan Ng Hoe Hun bertanya kepada Perdana Menteri mengapakah Ahli-ahli Parlimen dari parti yang memerintah dalam Barisan Nasional masih menduduki kerusi-kerusi dalam bahagian parti-parti Pembangkang di Dewan Rakyat, dan bilakah tindakan akan diambil untuk mengasingkan tempat duduk mereka daripada bahagian parti-parti pembangkang.

Perdana Menteri: Dewan Rakyat boleh muat lebih kurang 160 orang ahli. Pada masa sekarang kekuatan parti-parti Pembangkang adalah 26 orang berbanding dengan 118 orang ahli dalam Barisan Nasional. Oleh kerana bilangan mereka besar, adalah tidak mungkin untuk menempatkan ahli-ahli parti pemerintah kepada satu bahagian Dewan Rakyat sahaja.

Saya suka juga hendak menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada Peraturan Mesyuarat 2 (3) yang menyatakan iaitu "kerusi-kerusi akan diuntukan mengikut timbangan Tuan Yang di-Pertua dan keputusannya dalam perkara ini adalah muktamad".

PERSIDANGAN MENTERI LUAR NEGARA ISLAM

62. Tuan Chan Fu King minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan telah mengadakan sebarang rundingan mengenai pertahanan dengan negara-negara Islam semasa Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam, jika ya, berikan butir-butir lanjut mengenai perbincangan-perbincangan itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada menerima dua pucuk surat permintaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Dari Datuk Keramat dan dari Kampar. Untuk memuaskan hati Ahli-ahli itu, saya sukalah mereka itu membacanya sendiri surat yang dihantar kepada saya dan selepas itu bolehlah saya beri jawapan kepadanya.

3.34 ptg.

Tuan V. David (Dato Keramat): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to seek leave of this House to move the adjournment of the House for the purpose of discussing a definite matter of urgent public importance under Section 18 of the Standing Orders.

Sir, the Motion is as follows:

"This House is deeply concerned over the unfortunate incident which occurred on the Kuala Lumpur-Butterworth train

on 15th July, 1974 where Encik Khong Voon Seng, aged 21, a student of the Universiti Sains was assaulted by members of the Armed Forces:

That an inquiry be instituted to probe into the incident with a view to take action on those involved in the incident; the persons involved be charged in Court and dealt in accordance with the law; Encik Khong Voon Seng be compensated."

Sir, in seeking leave of the House, I wish to add one or two points as my reason for tabling this Motion. Sir, last week I am sure you would have observed in the Press that about a thousand students of the Universiti Sains, Penang demonstrated against the behaviour of certain soldiers towards the student, Encik Khong Voon Seng. The student was travelling from Butterworth to Kuala Lumpur and unfortunately while he was crossing from one coach to another while the train was moving, he accidentally had to step

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berkehendakkan penerangan. Saya berkehendakkan dibaca surat permintaan Ahli Yang Berhormat sahaja.

Tuan V. David: I just want to explain one or two points on this.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah baca surat itu. Saya tahu semuanya. Jawapan saya, boleh ditangguhkan mesyuarat ini untuk membincangkan permintaan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) berkehendakkan perkara tertentu seperti yang berkali-kali sudah diterangkan, perkara tertentu berkehendak disegerakan kerana kepentingan orang ramai. Kalau ketiga-tiga syarat itu tidak ada, atau salah satu syarat itu tidak ada, tidaklah dapat saya membenarkan. Dalam surat permintaan Ahli Yang Berhormat itu tak mencukupi tiga syarat itu. Tak payahlah diulang balik satu-persatu. Dengan ini, saya tolak permintaannya itu dengan dukacitanya.

Permintaan yang kedua, ialah daripada Ahli dari Kampar, begitu juga, suratnya panjang, barangkali saya suka juga hendak memuaskannya hati Ahli itu, diminta dia membacakan surat permintaannya itu.

3.38 ptg.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Yang di-Pertua, dengan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2), saya memberi notis minta kebenaran untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Dewan ini dengan tujuan untuk membincangkan perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu:

Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang seperti diperuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk membincangkan suatu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu pengharaman baru yang dikenakan oleh pihak Polis ke atas rapat-rapat umum selepas pukul 10.00 malam dan berikutan dengan ini Rapat Umum DAP di Tanjong Malim semalam dan juga Rapat-rapat Umum DAP di Kepong, Kampung Baru, Machap Baru, Bukit Asahan di Melaka tidak dibenarkan diadakan selepas pukul 10.00 malam, dan dengan itu menyekatkan lagi hak-hak parti Pembangkang menjelang pilihanraya umum untuk menyuarakan dasar-dasar mereka kepada rakyat Malaysia serta juga menunjukkan kekeciwaan dan ketakutan Barisan Nasional terhadap kejayaan cemerlang Rapat-rapat Umum DAP di masa lampau di seluruh tanahair kita, dan di samping itu juga menunjukkan kegagalan rapat-rapat umum anjuran Barisan Nasional walaupun ada perjalanan bas percuma, pertunjukan wayang gambar percuma dan lain-lain daya penarik telah diadakan, dan bahawa Dewan ini juga mengambil ketetapan bahawa Rapat-rapat Umum mestilah dibenarkan diadakan sehingga pukul 12.00 tengah malam seperti yang dilakukan pada masa lampau. Umpamanya seperti dalam rapat-rapat umum DAP di Taiping, Kampung Baru Jalong, dan Menglembu yang telah diadakan pada penghujung minggu sudah di mana beribu-ribu orang telah menunggu sehingga pukul 12.00 tengah malam untuk mendengar pensyarah-pensyarah DAP menjelaskan kedudukan politik di dalam tanahair kita.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya berpendapat seseorang Ahli yang membuat apa juga tuduhan dan apa juga surat semacam itu walau benar atau tidak, tetapi perkara yang hendak diminta ini mistilah mempunyai syarat-syarat yang tiga ini. Syarat yang tiga ini memang menjadi Peraturan Mesyuarat Parlimen. Pada pendapat saya barangkali boleh dikatakan perkara ini tertentu, sebab itu ada terjadi, tetapi yang dua lagi itu tidak boleh, sebab yang dua lagi itu sedang diuruskan lagi dan lagi satu itu kerana ia tidak melibatkan semua orang, melibatkan pihak yang tertentu sahaja. Juga saya dengan dukacitanya menolak permintaan ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN MELALUI UDARA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (23hb Julai, 1974).

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergerusikan Mesyuarat*)

Perbahasan disambung semula.

3.41 ptg.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menggulung perbahasan semalam yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara.

Pertama sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beliau kerana mengambil berat membawa lima perkara yang penting dan saya suka dengan ringkasnya memberi jawapan. Mengikut Akta Penerbangan Awam, 1969, Seksyen (19) mengenai bayaran sagu hati ke atas kerosakan disebabkan kemalangan kapalterbang ada menyatakan seperti berikut. Oleh kerana undang-undang ini dalam bahasa Inggeris, saya minta izin membacakannya dalam bahasa Inggeris juga.

"No action shall lie in respect of trespass or in respect of nuisance, by reason only of the flight of aircraft over any property at a height above the ground which, having regard to wind, weather, and all the circumstances of the case, is

reasonable, or the ordinary incidents of such flight, so long as the provision of this Act and any subsidiary legislation made under this Act are duly complied with; but where material damage or loss is caused by an aircraft in flight, taking off, or landing, or by any person in any such aircraft, or by any article falling from any such aircraft, to any person or property on land or water, damages shall be recoverable from the owner of the aircraft in respect of such damage or loss, without proof of negligence or intention or other cause of action, as though the same had been caused by his wilful act, neglect or default, except where the damage or loss was caused by or contributed to by the negligence of the person by whom the same was suffered:

Provided that where the material damage or loss is caused as aforesaid in circumstances in which—(a) damages are recoverable from the owner in respect of such damage or loss by virtue only of the preceding provision of this section; and (b) a legal liability is created in some person other than the owner to pay damages in respect of such damage or loss, the owner shall be entitled to be indemnified by that other person against any claim in respect of the damage or loss."

Jadi, telah terang siapa yang melakukan kemalangan ataupun kebencanaan dialah kapal bertanggungjawab. Sekiranya kapal-terbang itu ada insuran tentulah insuran itu akan bertanggungjawab. Jika berlaku sebarang kemalangan satu penyiasatan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan memberi pendapat-pendapatnya. Jika sebuah kapal-terbang didapati bersalah dan jika kapal-terbang itu kapalterbang awam, mengikut Seksyen (19) sepertimana telah saya terangkan tadi dalam Akta tersebut, satu tindakan akan diambil ke atas tuan punya kapal-terbang. Jika kapalterbang itu kepunyaan tentera atau Kerajaan, maka Kerajaan sendiri akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan kerugian.

Yang kedua, hendak menentukan sejauh mana ruang angkasa Malaysia. Di dalam Konvensyen Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation) yang

telah ditandatangani di Chicago pada 7hb Disember, 1944 Perkara (2) Konvensyen itu menyatakan:

"For the purposes of this Convention, the territory of a State shall be deemed to be the land areas and territorial waters adjacent thereto under the sovereignty, suzerenity, protection or mandate of such State."

Maknanya, di mana juga kalau Tanah Melayu ini udara yang di atas Tanah Melayu ini kawasan udara kita, begitu juga di sebelah Sabah dan Sarawak dalam kawasan Malaysia, tetapi tentang laut ada ditentukan berapa batu yang ditentukan mengikut peraturan-peraturan international dari satu masa ke satu masa.

Yang ketiga, penumpang-penumpang adakalanya menghadapi masalah kehilangan barang-barang atau cargo, dan minta supaya perkara ini diperbaiki. Sebagai negara Malaysia ini, memanglah mahu penumpang-penumpang yang menaiki baik kapalterbang MAS kita sendiri atau kapal-kapal terbang lain supaya mendapat barang-barangnya samada cargonya yang dihantar mengikut kapalterbang itu diterima dengan baik. Oleh kerana itu, pihak Jabatan Penerbangan Awam meminta kepada pengusaha-pengusaha dan syarikat-syarikat penerbangan dari masa ke masa memberitahu supaya pengurusan mengendalikan barang-barang atau cargo diperkemaskan lagi mengikut keadaan-keadaan yang tertentu.

Yang keempat, berkenaan dengan kita patut mengawal lebih rapi lagi penumpang yang menaiki kapalterbang Sistem Penerbangan Malaysia untuk mengelakkan unsur-unsur hippie masuk dalam negeri ini dan merosakkan keperibadian rakyat. Pemeriksaan keselamatan atau security check adalah dilaksanakan dan akan diperbaiki dari masa ke masa. Ini ditentukan di mana-mana juga terminal building di mana penumpang-penumpang yang hendak naik tentulah ada security check, mana orang yang tak sesuai mengikut keadaan, peraturan-peraturan kita di Tanah Melayu ini ataupun di Semenanjung Malaysia telahpun mengadakan peraturan-peraturan ini. Kita tidak akan membenarkan orang semacam itu masuk atau naik hendak pergi ke luar negeri yang lain.

Yang kelima, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang dikatakan tidak begitu sebok kalau dibandingkan dengan

lapangan terbang antarabangsa yang lain. Saya suka menerangkan di sini semenjak dibukanya perkhidmatannya pada tahun 1965 kapalterbang-kapalterbang yang menggunakan lapangan terbang itu ialah kapalterbang awam dan tentera 20 syarikat penerbangan telahpun menggunakan Lapangan Terbang Kuala Lumpur dan banyak lagi syarikat-syarikat lain akan mula menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di masa yang akan datang. Dengan adanya beberapa perjanjian-perjanjian penerbangan, dan jika perlu mengadakan perjanjian penerbangan dengan mana-mana negeri termasuk juga negeri Republik Rakyat China. Tetapi kita tak boleh benarkan sebuah negara menghantarkan kapalterbangnya dengan tidak ada lebih dahulu mengadakan perjanjian. Ini mengikut cara internasional.

Saya suka memberi angka sahaja di sini menunjukkan kesebokan lapangan terbang kita ini. Dalam tahun 1965 seramai 210,245 penumpang telah menggunakan lapangan terbang Kuala Lumpur dan dalam tahun 1973 angka ini telah bertambah menjadi 1,173,271 penumpang dan juga adalah dijangka dalam tahun 1974 ini seramai 1,635,561 orang akan menggunakan lapangan terbang tersebut. Angka-angka ini hanya termasuk penumpang-penumpang yang bertolak dan tiba di lapangan terbang tidak termasuk penumpang-penumpang yang singgah sahaja (in transit).

Bila syarikat penerbangan Malaysia memulakan perkhidmatannya di dalam bulan Oktober 1972, kadar tumbuhan penumpang atau tambahan statistiknya telah bertambah-tambah lagi naik, dalam tahun 1973 sahaja perangkaan menyatakan bahawa sebanyak 38.82 peratus naiknya. Penumpang antarabangsa telah bertambah dan 71.58 peratus penumpang dalam negeri telah bertambah. Sebuah syarikat perunding telah dilantik untuk mengkaji jumlah penumpang yang dijangka dalam masa akan datang termasuk kemudahan-kemudahan penumpang hingga tahun 1983.

Adalah dijangka mulai tahun 1983 seramai 6,528,000 penumpang akan menggunakan lapangan terbang Kuala Lumpur. Angka-angka ini termasuk penumpang antarabangsa dan dalam negeri.

Dalam tahun 1965 Lapangan Terbang Subang telah mengendalikan sebanyak 13,728 penerbangan dan dalam tahun 1973 angka

ini telah menjadi 50,602 dan sehingga akhir bulan Jun 1974 ini 23,681 penerbangan telah dikendalikan dan adalah dijangka sehingga akhir tahun 1974 ini sebanyak 51,484 penerbangan akan dikendalikan. Adalah dijangka dalam tahun 1963 sebanyak 103,483 penerbangan akan dikendalikan. Menengok kepada statistik ini tentulah lapangan terbang antarabangsa kita ini cukup pesat keadaannya, dengan sebab itu kita akan membelanjakan sebanyak \$24 juta dianggarkan dalam tempoh dua tahun akan membesarkan dan akan mengadakan satu sistem "nozzling" bagi kapalterbang-kapalterbang yang besar seperti Jet 747 supaya menyenangkan penumpang-penumpang dan akan menambah lagi segala facilities ataupun perkhidmatan-perkhidmatan bagi passengers yang ramai itu.

Yang akhir sekali, berkenaan samada kapalterbang-kapalterbang membawa mayat, terutama sekali kapalterbang MAS, adakah dia mengenakan tambang yang lebih. Penjelasannya ialah tambang yang dikenakan membawa mayat, umpamanya, antara Kuala Lumpur dengan Eropah mengikut harga tambang cargo, tidak ada kelebihan-nya, dan bagi pihak MAS dan saya percaya kapalterbang-kapalterbang lain tidak ada tegahan membawa mayat-mayat dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Sekianlah sahaja dan saya ucapkan sekali lagi berbilang terima kasih kepada soalan-soalan yang saya telah terangkan dengan jelasnya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua) *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Ketiga diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Keempat diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.57 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kemajuan Petroliam Tahun 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk mengadakan satu rangka bentuk undang-undang untuk mencarigali petroliam oleh satu Perbadanan, PETRONAS—sebuah badan yang akan diberi kuasa penuh terhadap aktiviti-aktiviti petroliam samada di darat atau di pelantaran Benua Malaysia. Selepas rundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, adalah diputuskan bahawa eloklah nama perbadanan ini digelar dengan nama Petroliam National Berhad ataupun PETRONAS dan sukan HIKMA seperti mula-mula kita cadangkan. Seperti yang dibayangkan oleh nama baharu ini, perbadanan tersebut akan didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat, 1965.

Seperti yang telah dicadangkan oleh Kementerian saya perjumpaan minyak di Malaysia ini hendaklah dijadikan asas untuk memperlekaskan lagi asas perkembangan ekonomi kita, termasuk pembangunan perusahaan. Strategi meninggikan kegunaan minyak hendaklah disatukan supaya semua aspek-aspek perusahaan minyak akan dapat menimbulkan bukan sahaja pembinaan refineries misalnya, tetapi juga Perusahaan Petro-kimia, serta perdagangan-perdagangan yang berkaitan dengan segala jenis perusahaan minyak dan Petro-kimia. Kesan pembangunan perusahaan-perusahaan ini tentu akan mengubah corak satu kawasan di mana ada terjumpa minyak, termasuk kawasan yang tidak mempunyai penduduk yang ramai ataupun yang belum lagi dibangunkan dengan cukup seperti di setengah-setengah tempat di Pantai Timur, di Sarawak

dan di Sabah. Soal Regional Planning mestilah bersangkutan sangat rapat dengan soal perusahaan minyak, dan kerjasama di antara banyak Kementerian-kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri memanglah menjadi bertambah mustahak. Dari itu kemajuan yang betul, cekap dan teratur hanya dapat dilaksanakan di bawah jagaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Perbadanan ini akan mempunyai hak sepenuhnya untuk mencarigali, mengusaha hasil dan mendapatkan petroliam di Malaysia. Dalam menjalankan tugas ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dinasihat oleh sebuah Majlis Penasihat Petroliam, yang akan mengandungi ahli-ahli terkemuka termasuk dari negeri-negeri yang mempunyai sumber minyak. Semua ahli-ahli ini akan, seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang, dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebagai balasan terhadap kuasa yang diberi kepada Perbadanan ini mencarigali petroliam, Perbadanan ini akan dikehendaki membuat bayaran tunai kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Jumlah bayaran adalah sebagai yang akan dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkenaan. Bill ini juga membenarkan aktiviti penapisan dan memproses petroliam dan pengeluaran bahan-bahan petro-kimia dari petroliam diletakkan di bawah kawalan Perdana Menteri. Dengan menguatkuasakan undang-undang ini hak tentang mencarigali minyak yang ada sekarang pada syarikat-syarikat minyak akan ujud hanya untuk enam bulan atau lebih lagi sebagaimana yang akan diizinkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tujuannya ialah untuk membolehkan syarikat-syarikat minyak yang ada di Malaysia mengadakan rundingan dengan Kerajaan untuk menukarkan perjanjian yang berbentuk konsesyen (concession) kepada perjanjian yang berbentuk pengeluaran berkongsi (production sharing). Oleh kerana pentingnya dan implikasi yang berkesan terhadap negara Bill ini adalah suatu Rang Undang-undang yang bersejarah yang dibentangkan di dalam Dewan ini, terutama sekali memandangkan krisis tenaga baru-baru ini dan kesusahan di dunia amnya. Anggapan bahawa minyak boleh didapati dengan harga murah sekarang ini menjadi kunu apabila peperangan meletus di antara negara-negara

Arab dan Israel pada bulan Oktober lalu di mana negara-negara Arab terpaksa menggunakan minyak sebagai senjata politik untuk memaksa Israel keluar dari wilayah-wilayah Arab yang telah ditawan.

Dengan naiknya harga minyak yang memuncak sebagaimana yang disetujui oleh negara-negara OPEC baru-baru ini, bersamaan dengan pengurangan pengeluaran minyak, minyak menjadi satu bahan yang sangat-sangat dicari di pasaran dunia. Sehingga bahan lain dapat dicari sebagai gantinya, tidak ada negara yang tidak perlu dengan minyak untuk perjalanan licin industri-industrinya dan sistem pengangkutan-nya kerana semuanya bergantung kepada pembekalan minyak yang tidak putus. Apa-apa penyekatan atau gangguan terhadap pembekalan minyak sebagaimana yang telah terjadi kepada beberapa negara kena embargo minyak oleh negara-negara Arab baru-baru ini, akan meletuskan suatu krisis nasional yang akan melibatkan penghidupan rakyat. Oleh yang demikian, negara-negara yang tidak mengeluarkan minyak ataupun tidak cukup mengeluarkan minyak terpaksa mengimpot minyak dengan harga yang telah ditetapkan oleh OPEC. Negara-negara yang mempunyai minyak adalah di antara negara-negara yang mungkin akan dapat terus menjalankan pembangunan ekonominya tanpa banyak halangan, terutama sekali dari segi keperluan pertukaran wang luar yang perlu bagi membeli jentera dan kelengkapan lain untuk membangun negara.

Malaysia adalah di antara negara-negara yang bertuah kerana mempunyai sumber minyak dan dapat terjamin meneruskan usaha-usaha untuk mempercepatkan pembangunan negara atau ekonomi.

Dalam Malaysia ini ada sembilan buah syarikat minyak yang mencarigali minyak di bawah Sistem Konsesyen—tiga di Malaysia Barat dan enam di Malaysia Timur. Mereka ini ialah Esso, Continental Oil Company Malaysia, Mobil, Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Berhad, Sabah Esso, Oceanic, Aquitaine Petroleum Company dan Sabah Teiseki Company. Dari jumlah ini hanya Sarawak Shell Berhad telah membuat pengeluaran sebanyak kira-kira 93,000 tong minyak sehari.

Kawasan konsesyen syarikat-syarikat ini meliputi kawasan lebih dari 150,000 batu persegi, tetapi baru-baru ini lebih daripada

setengah kawasan ini iaitu kira-kira 87,000 batu persegi telah diberi balik kepada Kerajaan selepas mencarigali. Kawasan-kawasan yang diberi balik ini bersama dengan kawasan-kawasan baru akan terbuka untuk dicarigali oleh syarikat-syarikat yang berminat.

Sebagai tambahan juga boleh didapati kawasan-kawasan perantaraan benua dekat Johor, Melaka, Negri Sembilan dan Perlis termasuk kawasan besar di kawasan air-dalam dari Pantai Sarawak dan Sabah. Sebelum bill ini, perhatian terhadap permohonan-permohonan digantungkan buat sementara sambil memandangkan pengkajian semula polisi-polisi terhadap pembentukan industri petrolium samada upstream atau downstream terutama sekali mengenai peranan Kerajaan di dalamnya, perhubungan di antara Kerajaan dengan Syarikat-syarikat minyak, keuntungan yang patut kita tuntut sebagai Kerajaan dan bidang kuasa atas Pelantaran Benua. Dengan terbentangnya bill di Dewan ini, maka terbukalah jalan-jalan dan dasar-dasar (policy) bagi menyelesaikan banyak masaalah yang saya sebutkan tadi.

Pembentukan dasar baru yang menjadi latar belakang bill ini, memakan dekat dua tahun untuk melengkap, dan perbandingan telahpun dibuat dengan sistem-sistem yang lain, misalnya, di Timur Tengah, South America, Australia dan Indonesia. Kita dapat banyak inspirasi dari jiran kita Indonesia, malahan pula nasihat-nasihat yang berguna, dalam membentuk dasar "Production Sharing" apakala kita mengambil keputusan untuk mencuba "production sharing". Pertemuan saya dengan Menteri-menteri Minyak di Luar Negeri dan Penasihat-penasihat mereka juga memberi fahaman yang lebih mendalam dalam proses membentuk dasar baru kita ini. Saya memanglah mengucapkan ribuan terima kasih kepada nasihat yang telah diberi oleh pihak Indonesia.

Dalam melaksanakan dasar ini, maka berbangkitlah masaalah yang mesti diselesaikan. Perundingan dengan syarikat-syarikat minyak merupakan challenge yang paling besar. Perbincangan yang kadang-kadang hangat tetapi memberi faedah terpaksa dijalankan dengan cawangan lain dalam Kerajaan Pusat; dan perundingan yang sangat panjang juga dibuat dengan Kerajaan Negeri-negeri seperti Sarawak dan Sabah.

Kerajaan kita telah mencapai persetujuan dalam tempoh hanya satu tahun lebih menunjukkan kebolehan semua pihak bertolak ansur dalam menimbul dasar yang paling "Advanced" dalam sejarah perlombongan negara kita ini.

Bagi pihak Kerajaan Persekutuan, saya ingin mengucapkan terima kasih saya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah terhadap kesanggupan mereka demi kepentingan nasional, bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam menyelesaikan masaalah yang disebutkan di atas tadi dan juga terhadap persefahaman yang diberi oleh mereka dalam membentangkan Rang Undang-undang ini ke Parlimen. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan bersetuju bahawa kejayaan bill ini telah membuktikan kebolehan dan kecekapan pemimpin-pemimpin kedua buah negeri tersebut.

Perjumpaan-perjumpaan minyak dan gas di Malaysia ini oleh syarikat-syarikat minyak yang mencarigali di kawasan-kawasan Luar Pantai Sarawak dan Sabah dan juga Luar Pantai Semenanjung Malaysia memberi harapan besar kepada negara kita, terutama sekali dalam tahun-tahun lapan puluhan.

Berlandaskan kepada data-data yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti mencarigali bagi menentukan besarnya pembekalan (reservoir) yang ada sekarang ini, Malaysia dijangka akan dapat mengeluarkan sebanyak 200,000 tong minyak sehari dalam tahun 1977 dan menjelang tahun 1980 sebanyak 400,000 hingga 500,000 tong sehari. Ini tidak termasuk eksploitasi gas asli yang telah dijumpai di kawasan luar pantai Sarawak oleh Shell dan kemungkinan eksploitasi gas di Semenanjung Malaysia ini oleh Esso dan Conoco.

Walaupun jumlah pembekalan yang dijumpai oleh Esso dan Conoco tidak dapat ditentukan pada masa sekarang ini adalah dijangka jumlahnya sangat menggalakkan. Gas yang dijumpai di Sarawak memanglah terbukti cukup banyaknya. Esso eksplorasi baru-baru ini telah menyiapkan satu ukuran pemasaran bagi menentukan daya penjualan gas di Semenanjung Malaysia dan telahpun membuat laporan yang menggalakkan, di mana bidang pasaran ini adalah mencukupi bagi menyokong projek memasang paip gas di Semenanjung Malaysia. Daya Malaysia dalam pengeluaran minyak dan gas adalah lebih besar jika

dikira dari kawasan yang diserahkan balik oleh syarikat-syarikat minyak termasuk kawasan Air-Dalam dan Kawasan Continental Margins. Sumber yang boleh diberi oleh minyak dan gas terhadap Pembangunan Ekonomi Nasional dapat ditentukan daripada faktor-faktor berikut:

- (a) Sebagai sumber utama bahan fuel bagi memenuhi permintaan yang meningkat dari industri dan jentera-jentera pengangkutan kita;
- (b) sebagai feedstock atau bahan perusahaan Petro-kimia;
- (c) sebagai sumber lumayan pertukaran wang asing dan hasil kepada Kerajaan yang mempunyai daya yang luas;
- (d) sebagai satu cara untuk mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baru, terutama sekali membentuk semula masyarakat kita.

Terdahulu dari ini telah disebutkan kawasan-kawasan daratan luar pantai yang mengandungi haidro-karbon. Sekarang saya ingin menjelaskan minat yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat minyak yang ingin hendak menanam modal di Malaysia ini. Berita-bertia mengenai perjumpaan-perjumpaan minyak dan gas di Malaysia baru-baru ini adalah satu daripada sebab-sebab minat tersebut, tetapi faktor lain perlu juga disentuh, terutama sekali imej Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai keadaan ekonomi, sosial dan politik yang stabil. Pembekalan yang bertambah banyak di Malaysia ini mungkin juga akan menolong kita menarik modal dan mempercepatkan lagi pembangunan perusahaan di negeri ini.

Dari segi diplomatik pula, dengan potential Malaysia menjadi pengeluar minyak juga akan meninggikan lagi nama baik Malaysia di dalam perhubungannya dengan negara-negara Arab dan negara-negara Islam. Harga minyak dan gas yang tinggi juga mungkin menarik minat banyak syarikat-syarikat minyak melabur modal di Malaysia dengan tujuan akan boleh memperbanyakkan (diversify) sumber pembekalan bagi menjamin keselamatan pembekalan minyak mereka.

Malaysia akan bersukacita menerima syarikat-syarikat minyak ini untuk bekerjasama dengan Perbadanan Petroleum Nasional kita untuk mencarigali minyak dan gas di Malaysia di bawah polisi Petroleum yang

baru dengan nama production sharing yang telah diluluskan oleh kabinet pada awal bulan ini. Sistem production sharing ini akan menggantikan sistem konsesyen yang ada sekarang ini, sebagaimana yang diperuntuk di bawah Akta Melombong Petroleum, 1966 dan lain-lain Akta berkaitan.

Untuk memudahkan pelaksanaan production sharing Kementerian saya telah mengambil inisiatif tahun lepas untuk mengadakan rundingan-rundingan dengan syarikat minyak bagi menentukan hasrat mereka untuk menukar kepada kontrak di bawah sistem production sharing. Persetujuan telahpun tercapai supaya apabila undang-undang yang meluluskan pembentukan-pembentukan Perbadanan Minyak Nasional diluluskan oleh Dewan, surat-surat perjanjian yang telahpun ditandatangani dengan enam syarikat minyak boleh dikuatkuasakan. Syarikat-syarikat lain bersetuju membuat perakuan bersama untuk bertukar kepada sistem production sharing sungguhpun mereka tidak menandatangani apa-apa surat. Ada pula sebuah syarikat yang telah bersetuju untuk menukarkan kepada production sharing dari tarikh yang awal daripada sekarang.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan ini baiklah saya terangkan dengan ringkas apa dia production sharing itu—sejarah, konsep dan prinsip-prinsipnya. Yang pertama merangka dan kemudian melaksanakan konsep production sharing dengan jayanya ialah negara Indonesia melalui syarikat minyaknya PERTAMINA. Melalui undang-undang 44/1960 Indonesia menghapuskan sistem sebelum merdeka iaitu granting mining rights dan memperkenalkan satu rangka baru bernama Sistem Kontrak Karia (Work Contract System) yang menggantikan konsesyen dan yang menukarkan kedudukan syarikat-syarikat minyak menjadi sebuah kontrakter kepada PERTAMINA. Kontrakter ini diberi 30 tahun hak bagi mengendalikan operasi-operasi termasuk mencari dan membangunkan perusahaan petroleum pengangkutan, pengedaran dan penapisan petroleum. Tanggungjawab pengurusan oleh pihak kontrakter termasuk mengadakan wang modal dan juga menanggung beban risiko (risk). Pendapatan syarikat minyak menjalankan operasi dibahagikan kepada 60:40 selepas dibayar kos pengeluaran (cost of production), tetapi tolak "Domestic

Market Obligation". Keuntungan besar adalah kepunyaan Kerajaan. Kontrek-kontrek jenis ini telah ditamatkan pada tahun 1963 di Indonesia dan hanya yang tinggal ialah dua sahaja.

Kira-kira pada tahun 1966 satu kontrek jenis baru, yang dinamakan "Production Sharing Contract" telahpun direka di Indonesia. Kontrek ini sebagai pengganti Kontrek Karia. Selain daripada Indonesia negara-negara yang menggunakan kontrek production sharing ialah Filipina, Burma, India, Libya, Nigeria, Peru dan akhir-akhir ini negeri Jepun yang baru membentangkan undang-undang itu di Parlimennya. Mengikut majallah Petroleum Intelligence Weekly pada 1hb April tahun ini, satu daripada sistem yang dicadangkan kepada Kongres Amerika untuk memperhebatkan mencari-gali sumber-sumber minyak yang tersimpan dan juga untuk menambahkan hasil kepada Kerajaan ialah Production Sharing System seperti yang diamalkan di Indonesia.

Konsep production sharing ini boleh diterangkan melalui lapan prinsip-prinsip berikut:

- (a) Syarikat Minyak Nasional yang dibentuk oleh Kerajaan akan diberi kuasa penuh untuk mencarigali dan mengeksplot petrolia di dalam negara.
- (b) Sebagai lanjutan daripada (a) tadi Syarikat Minyak Nasional juga bertanggungjawab kepada Kerajaan, atas pengurusan operasi petrolia dan syarikat minyak sebagai kontrekter akan bertanggungjawab kepada syarikat Minyak Nasional kita.
- (c) Minyak dan gas akan menjadi hakmilik Kerajaan ataupun Syarikat Minyak Nasional. Pihak kontrekter hanya akan mengambil hak selepas pemindahan hak oleh Kerajaan mengenai bahagian yang diberi kepada syarikat itu.
- (d) Kontrekter minyak akan menanggung segala risiko modal yang dikehendaki, dan mengadakan kakitangan-kakitangan teknikal dalam mencarigali minyak dan membangunkan telaga minyak. Jikalau ada terjumpa minyak atau gas barulah syarikat-syarikat yang menjadi kontrekter boleh menuntut

cost of recovery—itupun terhad kepada 40% sahaja dalam satu-satu tahun.

- (e) Sesudah cost of recovery, pengeluaran minyak akan dibahagikan pada 65:35 ataupun pembahagian lain mengikut rupa persetujuan di antara Kerajaan dengan syarikat-syarikat minyak.
- (f) Semua alat-alat yang bersangkutan dengan projek-projek yang tersebut di atas yang dibeli oleh kontrekter akan menjadi hakmilik Kerajaan atau Syarikat Minyak Nasional apabila ianya masuk ke dalam negeri kita, dan tuntutan atas jentera dan equipment itu bolehkah dibayar dari jumlah maksima 40% untuk pembayaran cost of production tiap-tiap tahun selepas minyak dapat dikeluarkan.
- (g) Kontrekter hendaklah menjual balik kepada Kerajaan sebahagian daripada minyak yang sudah dibahagikan kepada mereka bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan. Untuk tujuan ini minyak yang dijual balik kepada Kerajaan atau Syarikat Minyak Nasional diletakkan dengan harga US\$20 satu tong.
- (h) Undang-undang yang ada di negara ini juga dikenakan kepada kontrekter itu.

Daripada apa yang tersebut di atas adalah terang bahawa konsep production sharing itu memanglah sangat-sangat berfaedah kepada negara-negara pengeluar, terutama sekali kepada negara-negara yang sedang membangun. Daripada pendirian negara-negara sedang membangun, sistem production sharing akan memuaskan dua hasrat pokok iaitu:

- (i) Theoretical Control atas pengurusan mencarigali dan mengeluarkan petrolia yang boleh menimbulkan satu perhubungan dan approach yang professional betul-betul.
- (ii) Kebolehan merancangkan penyertaan anak negeri dalam pengurusan operasi dengan penuh kerjasama daripada syarikat-syarikat minyak yang menjadi operator.
- (iii) Dalam menjalankan kawalan ini, Kerajaan tidak terpaksa membelanja untuk menanggungkan resiko atau risk.

Di bawah sistem "concession" yang ada sekarang ini dan yang telah dicipta oleh Petroleum Mining Act, 1966 dan Petroleum Mining Rules, 1968, prinsip-prinsip yang kuno sedang berkuatkuasa dan prinsip-prinsip ini ialah seperti berikut:

- (a) Di bawah Petroleum Agreement syarikat Minyak diberi kuatkuasa penuh untuk mencari dan membangunkan apa-apa sumber petroliaam yang ada dalam kawasan agreement dan juga syarikat tersebut boleh sendirinya menjual petroliaam-petroliaam yang di keluarkan daripada kawasan tersebut.
- (b) Pengurusan kerja mencarigali minyak adalah dalam tangan syarikat minyak belaka. Syarikat minyak tidak bertanggungjawab kepada Kerajaan sama sekali.
- (c) Semua harta-harta dan jentera yang digunakan oleh syarikat-syarikat untuk operasi mencarigali adalah hakmilik syarikat sendiri.
- (d) Minyak dan gas yang dikeluarkan akan menjadi harta syarikat tersebut daripada masanya keluar dari bumi.
- (e) Bayaran tersebut dibuat pada Kerajaan:

Pembayaran tahunan yang tetap akan dibayar selepas lima tahun.

Royalty sebanyak 8-11½% daripada nilai minyak mentah yang digali dan gas yang dijual.

Cukai akan dibayar di bawah Akta Petroleum Income Tax, 1967 dengan kadar 55%. Untuk kegunaan ini royalty adalah dijadikan satu item perbelanjaan jika minyak itu dieksepot, tetapi royalty akan dikreditkan jika ianya digunakan dalam negeri.

"Posted Price" dan bukan "Market Price" digunakan untuk kiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

Selama agreement itu berkuatkuasa cukai tidak boleh—saya ulangi cukai tidak boleh—diubah oleh Kerajaan. Dengan kata pendek, Kerajaan nampaknya tidak ada apa-apa peranan dalam hal pembangunan perusahaan minyak, selain daripada mengutip cukai sahaja.

Sebelum timbulnya krisis tenaga tidak lama dahulu, beberapa pertukaran telahpun dibuat ke atas sistem concession ini dan telah mengambil rupa New York Agreement yang telah ditandatangani dalam tahun 1972. Agreement tersebut telah memberi Kerajaan peranan dalam operasi petroliaam mulai dengan saham 25% dan saham Kerajaan ini akan dinaikkan kepada 51% sebelum tahun 1983. Oleh kerana tindakan Kerajaan Kuwait yang baru, saham Kerajaan telahpun dinaikkan kepada 60% dan ini berkuatkuasa pada 1-1-1974. Akibat semua pindaan ini boleh meninggikan pendapatan Kerajaan, jikalau Kerajaan mampu membiayai ganjaran yang beratus-ratus juta ringgit untuk membeli share dan berbelanja untuk membangun dan mencarigali minyak tiap-tiap kali operasi dijalankan.

Kejadian-kejadian tersebut yang telah membaiki sistem "concession" dengan memperkenalkan penyertaan ataupun Participation atau concession Cum-Participation, juga telah meninggikan hasil pendapatan Kerajaan di bawah sistem production sharing. Juga di bawah sistem Production Sharing negara pengeluar boleh campurtangan sepenuhnya untuk membangunkan ekonomi negara. Selepas O.P.E.C. telah berjaya ke atas syarikat-syarikat minyak, Indonesia juga telah dapat menambahkan pendapatan-pendapatannya daripada syarikat-syarikat minyak yang menjalankan operasi dalam Indonesia. Pendapatan ini telah mengambil rupa cukai Excess Profit yang bernama two tier profit formula di mana keuntungan syarikat yang berlebihan di bawah production sharing akan dibahagikan dengan bahagian 85% dan 15% apabila harga minyak naik lebih daripada US\$5 setong—tidak payah saya sebutkan yang dapat 85% ialah Kerajaan.

Formula yang sama mungkin akan diambil oleh Malaysia oleh kerana Indonesia adalah Formula yang sama mungkin akan dirunding dan dijalankan oleh Malaysia oleh sebab Indonesia adalah ketua negara-negara pengeluar minyak dalam rantau ini.

Kejadian-kejadian yang timbul tidak lama dahulu telah menunjukkan bahawa ada kemungkinan bahawa Malaysia boleh meminta syarikat-syarikat minyak memberi kepada Kerajaan keuntungan kelebihan mereka jika kita telah disatukan sebagai organisasi yang

kuat. Tetapi kita mesti menjalankan perundingan dengan mereka dengan cara waspada dan dilengkapi dengan perkiraan yang cukup baik, kerana kita bukan bertujuan hendak menghapuskan mereka yang boleh menolong negeri kita, terutama sekali pada masa kita belum lagi mempunyai kemahiran teknikal untuk membangunkan sumber-sumber minyak kita dengan tenaga kita sendiri. Juga untuk menarik syarikat minyak melabur modal dalam operasi mencarigali minyak di Malaysia dan untuk memberi insentif kepada syarikat-syarikat yang sedang menjalankan operasi di Malaysia (kita perlu mempunyai dasar baik yang berasaskan kepada kepentingan jangka panjang/long term interest, long term policy). Adalah perlu bagi kita untuk menjamin mereka satu keuntungan yang patut sebagai balasan kepada pelaburan modal mereka yang besar dan risiko yang mereka ambil. Syarikat-syarikat juga mempunyai organisasi yang besar disamping sumber-sumber teknikal dan kewangan yang mustahak untuk mencarigali petrolium dalam kawasan negeri kita ini. Operasi mencarigali petrolium adalah satu perkara yang mempunyai risiko yang banyak dan juga mempunyai masalah-masalah teknikal yang sangat berat dan luas. Lagi pun modal-modal untuk mencari dan mengeluarkan minyak telah dijangka akan bertambah besar pada masa hadapan.

Sejauh yang saya dapat tahu daripada kajian Chase Manhattan Bank barangkali perusahaan petrolium akan menghadapi kekurangan modal diperingkat dunia dalam masa tahun hadapan.

Seperti saya nyatakan tadi, kita belum mempunyai kebolehan teknikal untuk menjalankan operasi kita sendiri dan membangunkan perusahaan minyak pada ketika ini tanpa kerjasama daripada pihak yang sudah lebih kemahiran. Oleh yang demikian Petronas yang tidak mempunyai apa-apa kelengkapan teknikal sekarang ini mestilah memulai kerjanya cepat-cepat untuk mengambil bahagian sama-sama dengan syarikat-syarikat membangunkan perusahaan minyak di Malaysia dengan seberapa segera. Ini bermakna kita mesti melatih kakitangan teknikal yang mahir dalam bidang mencarigali, pengeluaran, penapisan, pemasaran dan perusahaan petrokimia. Kebolehan-kebolehan yang ada sekarang ini belumlah mencukupi,

dari itu perlulah bagi Malaysia menggalakkan Mahasiswa mengambil latihan yang sesuai supaya boleh jadi pakar Jurutera Petrolium atau Jurutera Kimia dalam perusahaan penapisan petrolium atau pun perusahaan petrolium.

Kementerian saya sendiri telah menghantar empat orang pegawai ke luar negeri untuk mengambil kursus lanjutan dalam kaji bumi, Kejuruteraan Petrolium dan Perkara-perkara lain yang berkenaan dengan perusahaan-perusahaan petrolium. Disamping itu Siswazah-siswazah telah pun dihantar oleh shell berkursus di Holland dan di Amerika. Mereka ini sekarang sedang bekerja di Jabatan Penyiasatan Kajibumi di Kementerian saya.

Tetapi saya fikir, semua usaha-usaha ini tidak mencukupi. Satu rancangan latihan besar mestilah dilancarkan dengan sertamerta supaya kita dapat kemahiran yang perlu untuk menjalankan perusahaan minyak negara kita. Berkenaan dengan ini Kementerian adalah bernasib baik kerana mendapat tawaran bantuan daripada negara-negara seperti Indonesia, Saudi Arabia dan Iraq untuk memberi kemudahan latihan dalam bidang haidrokarbon. Mereka telah menawarkan kepada kita tempat untuk pelatih-pelatih Malaysia diakademi petrolium mereka masing-masing. Pada lawatan saya ke Indonesia baru-baru ini, Kerajaan Indonesia sekali lagi melalui Pertamina telah pun menawarkan pakar-pakarnya kepada Malaysia, supaya mereka boleh membantu tugas menubuhkan syarikat minyak kita. Kerajaan sangat terhutang budi kepada Kerajaan Indonesia kerana mereka telah membantu kita memahami konsep prinsip dan cara perjalanan "Production Sharing".

Satu cara lain untuk meninggikan kebolehan kita dalam hal ehwal petrolium ialah dengan menggunakan perkhidmatan perunding dan penasihat. Perkara ini bolehlah ditimbangkan oleh Petronas setelah ianya ditubuhkan supaya Perbadanan tersebut dapat menjalankan kerja-kerja seperti mencarigali, menubuhkan bengkel bekalan, penapis minyak, pemasaran dan pertubuhan projek-projek petro-kimia. Semua aktiviti-aktiviti ini yang mana Petronas akan menjalankan tidak lama lagi, sedang dijalankan dengan cara sementara oleh Kementerian saya mengikut keupayaannya.

Juga, syarikat-syarikat petroliaam boleh seperti kontrekter, memberi bantuan penting untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan kakitangan yang mahir. Ini adalah oleh kerana di dalam agreement kontrak itu syarat-syarat berkenaan dengan latihan dan pengambilan kakitangan tempatan adalah seperti berikut:

"The contractor agrees to employ in its operations qualified Malaysian personnel with qualification acceptable to the national corporation (constituted by the Government) and the contractor, after commercial production commences, undertakes the schooling and training of Malaysian personnel for all postings including administrative and executive management positions. At such time contractor shall also consider with the national corporation a programme of assistance for training of the corporation's personnel."

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya baharu diberitahu tadi bahawa asas pengiraan harga minyak di bawah sistem production sharing ialah realised price, ataupun market price dan bukan posted price seperti berlaku di bawah sistem concession. Oleh sebab di bawah system production sharing Kerajaan ataupun Perbadanan yang dilantik oleh Kerajaan ada hak menjual minyaknya sendiri, maka kekuatan dalam soal pasaran minyak mestilah dibentuk seawal-awalnya. Sungguhpun pada lazimnya minyak Kerajaan boleh dijual kepada syarikat-syarikat minyak dengan harga pasaran, untuk mencapainya harga yang paling baik saluran pemasaran yang bebas mestilah diusahakan oleh Kerajaan. Kerapkalanya jikalau ada perselisihan taksiran mengenai harga minyak, kebolehan Kerajaan menjualkan minyak dengan harga yang lebih baik menerusi saluran pasarnya sendiri adalah sangat berguna.

Dalam hal ini penjualan minyak lebih baik diusahakan dengan pihak yang mempunyai refinery supaya pengambilan minyak itu akan dapat terjamin dan mengikut jadual yang tidak akan mengganggu programme pengeluaran di Telaga Minyak (disrupt the programme of production of corporating companies). Berkaitan rapat dengan soal pemasaran ialah soal mengusahakan pengangkutan minyak dan gas dengan tanker kita sendiri. Saya sangat

sukacita bahawa bekerjasama dengan Kementerian saya pihak M.I.S.C. serta pihak Kerajaan Sabah dan Sarawak sedang mengkaji soal ini. Hasil yang lebih banyak tentu akan dapat diperolehi oleh negara kita kalau pasaran dan pengangkutan minyak dan gas kita dapat dijalankan oleh Perbadanan-perbadanan Malaysia sendiri ataupun dengan cara kerjasama dengan pihak-pihak luar negeri yang paling masak pengalamannya.

Sekarang untuk melengkapkan pemikiran Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tujuan integrated approach yang diusahakan oleh Kementerian saya, biarlah saya menceritakan kegiatan downstream yang boleh berbangkit daripada penyusunan dasar yang baik mengenai perusahaan minyak. Perkara-perkara ini mungkin lagi baru di dalam sejarah Pembangunan Perusahaan Malaysia, tetapi tidaklah mustahil untuk dicapai. Sumber gas dan sumber minyak dalam keadaan kekurangan bahan-bahan itu di seluruh dunia boleh menarik banyak pelabur-pelabur yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang petro-kimia.

Apabila Perbadanan Kerajaan seperti Petronas diberi credit standing yang kuat oleh Kerajaan dengan cara menguasai sumber-sumber minyak dan gas dalam negeri ini, maka kemungkinan Kerajaan mendapat pinjaman wang ataupun syarikat minyak nasional mendapat pinjaman wang dan menarik pelabur-pelabur yang berpengalaman adalah besar. Kemungkinan mendapat high leverage loans ataupun loans yang lebih banyak berkali-kali ganda daripada modal adalah juga sangat cerah. Pada masa sekarang pun banyak bank-bank yang besar telahpun menunjukkan minat untuk menolong Malaysia dalam usahanya mendirikan berbagai perusahaan petro-kimia. Syarikat-syarikat multi-nasional yang mempunyai pengalaman yang sudah lama dan berjaya dalam masing-masing Petro-Kimia Products pun juga turut menghampiri Kementerian saya, dan menyatakan minat mereka untuk bekerjasama dengan kita. Dasar-dasar yang telah dapat kita bentuk setelah berhubung dengan bank-bank Multi-Nasional Corporation dan pihak-pihak yang mempunyai pengalaman besar dalam soal Petro-Kimikal ialah seperti berikut:

(a) Memilih syarikat manakah yang paling mahir dalam usaha membuat dan

mengeluarkan satu-satu jenis petro-chemical products;

- (b) berapa kuatkah sokongan teknikal expertise dan management boleh diterima oleh Malaysia dengan cara menentukan rakan Joint-venturenya;
- (c) berapa luaskah marketing network di seluruh dunia yang boleh digunakan oleh perusahaan di Malaysia ini untuk menjualkan barang-barang petro-kimia yang dibuatnya, sebab untuk menentukan viability sesuatu projek Malaysia mestilah membuat World Size Petro-chemical Plant dan bukan membuat satu pelan yang mana cukup untuk local consumption, kerana ini akan mungkin meninggikan harga barang dalam Malaysia ini.

Saya fikir masalaah bagi Malaysia, dengan iklim pelaburannya yang dikenal sebagai yang baik sekarang ini bukanlah untuk menarik pelabur-pelabur modal untuk membuat sesuatu projek ataupun untuk menjadi rakan dalam joint-venture. Masalaahnya yang sebenarnya ialah siapa akan dipilih dan siapa berani memberi syarat yang paling baik untuk Pembangunan Malaysia daripada segi barang-barang Petro-kimia yang akan dibuat keuntungan yang boleh diperolehi kesan yang akan diberi untuk memodenkan sesuatu kawasan yang masih mundur dan daripada segi share structure yang akan memberi lebih banyak peluang kepada penyertaan anak-anak Malaysia sendiri.

Dalam menentukan apa barang-barang petro-kimia yang patut digalakkan pembuatannya, Malaysia sebagai sebuah negara yang masih bergantung kepada perusahaan pertanian mestilah memikirkan terlebih dahulu soal membuat baja, supaya dapat membekalkan petani-petani kita dengan baja yang lebih murah dan tidak akan putus perbekalannya, daripada segi menggalakkan lebih banyak lagi perusahaan yang bersangkutan usaha membuat polythelyne mungkin juga perlu dikaji awal supaya dapat memberi bekalan yang cukup untuk menggalakkan penubuhan Perusahaan Plastic dalam negeri kita ini. Sekarang ini perusahaan plastic kita sedang menempuh masalaah mendapat raw material. Kementerian saya sedang mengkaji samada gas yang diperolehi di Sarawak dan di Pantai

Timor boleh memberi kesempatan untuk kita menubuhkan perusahaan-perusahaan menge-luar baja dan polythelyne.

Pada sekarang ini Malaysia sendiri pun menarik minat Syarikat-syarikat Besar Antarabangsa untuk membuat kain berbahan synthetic. Kemungkinan Malaysia sebagai negara yang akan mengeluarkan lebih-lebih banyak kain kepada pasaran dunia adalah cerah kalau kita dapat mengambil pengertian daripada sambutan-sambutan kepada rombongan perdagangan kita yang telah melawat beberapa negara baru-baru ini. Oleh sebab itulah tugas pertama yang kita ingin hendak jalankan ialah untuk menentukan kemungkinan mendirikan sekurang-kurangnya sebuah BTX plant, yang boleh mengeluarkan banyak bahan-bahan untuk membuat benang synthetic ataupun synthetic fibre. Kajian atas kemungkinan banyaknya dan Chemical Composition minyak yang akan terdapat dalam kawasan Malaysia ini sangatlah perlu untuk menentukan reka bentuk Refinery dan Naphen Cracker yang boleh dibina dalam Malaysia.

Penyelerasan rapat meliputi banyak cawangan kerjanya dan penyelidikan-penyelidikan khas atau potential service terpaksa-lah ditimbangkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan cita-cita Kementerian saya bagi memesatkan pembangunan perusahaan-perusahaan petro-kimia dalam tahun-tahun akan datang terutama sekali dalam tahun delapan puluhan. Saya percaya dengan pimpinan terus daripada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri tugas sebesar-besar ini dapat menjadi ringan dan akan dapat dilaksanakan untuk mempercepatkan lagi Pembangunan Negara kita seperti yang dimaksudkan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Saya ingin menegaskan bahawa kejayaan usaha Petronas di dalam industry petroliaam tidaklah dapat dijamin 100% seperti misalnya kalau saya menyuruh sebuah badan membeli Treasury Bond atau saham-sahamnya. Tetapi seperti lain-lain usaha-usaha dan perniagaan adalah bergantung atas kebijaksanaan pengurusan yang bermutu tinggi dan atas peranan individu-individu anggotanya. Petronas bukan sahaja akan menghadapi cabaran-cabaran exciting di masa hadapan tetapi juga memerlukan tekanan kerja yang berdidikasi dan sikap enlightened yang boleh menarik pelabur-pelabur besar. Akhirnya ia

berkehendakkan suatu pandangan jauh ataupun great vision yang akan membolehnya memenuhi hasrat-hasrat Dasar Ekonomi Baru supaya growth industry seperti industry petro-kimia ini akan menjadi satu catalyst pembangunan dalam usaha memperhebatkan lagi pembangunan dan penyusunan masyarakat baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.45 ptg.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang baru diuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, petrolium merupakan suatu bahan yang sangat-sangat penting bagi kehidupan manusia semenjak manusia mendapat petrolium daripada bumi. Petrolium merupakan juga kuasa kepada negara yang mempunyai dan, ketiadaan petrolium dalam sesebuah negeri ini boleh menyebabkan negeri itu menukar dasar luar negerinya dan menyokong negeri yang memberi bekalan petrolium kepadanya. Rebutan untuk mendapatkan bahan ini juga menyebabkan pertelingkahan bahkan peperangan di antara negara-negara.

Daripada penjelasan-penjelasan yang Berhormat Menteri tadi, maka tidak syak lagi bahawa masanya telah sampai bagi negara kita Malaysia untuk mengambil satu langkah yang sangat penting yang boleh menjamin bahawa perusahaan dalam bidang petrolium ini akan bukan sahaja dikuasai, dikawal, tetapi juga diberi perhatian yang setinggi-tingginya oleh Kerajaan. Petrolium yang begitu penting kepada negara tidak harus menjadi masalah pertelingkahan di antara negeri-negeri dalam persekutuan, ianya merupakan suatu bahan yang dianggap daripada mana segi sahaja berkaitan dengan national interest. Maka dengan sebab itulah maka Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Sabah telah bersetuju dengan Kerajaan Persekutuan Malaysia supaya Rang Undang-undang ini dibentangkan di dalam Dewan pada kali ini, sungguhpun sebenarnya perbentangan undang-undang ini lewat namun ianya telah dapat kita bincangkan sebelum terlalu lambat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh bersukacita bahawa Kerajaan Pusat di dalam beberapa tahun kemudian ini telah mengubah sikap yang lama dahulu iaitu sikap yang pada pendapat Kerajaan tidak harus berniaga, Kerajaan tidak harus campurtangan dalam perniagaan. Dan dasar inilah yang menyebabkan terlambatnya (satu daripada sebab-sebabnya kelambatan) penubuhan sebuah badan seperti Petronas diadakan di dalam Malaysia ini. Saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dan memberi sokongan yang penuh bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak yang mahu melihat bahawa usaha-usaha perundingan-perundingan dengan pihak-pihak swasta yang mempunyai kebolehan untuk mencari-gali, memproses dan lain-lain lagi bahan-bahan minyak di negara kita ini dipercepat dan disegerakan, khususnya perundingan mengenai projek liquified natural gas di kawasan Sarawak yang perundingan telahpun bermula beberapa lama dahulu. Kelambatan telah berlaku disebabkan sehingga tertubuhnya Kementerian Perusahaan Utama, tidak ada suatu Department pun di dalam Kerajaan Persekutuan yang faham mengenai masalah minyak, masalah gas dan lain-lain, berlainan dengan Kerajaan negeri Sarawak dengan sebab di negeri itu minyak telah keluar daripada tahun 1910 dengan kerjasama pihak Shell Sendirian Berhad. Dengan penubuhan PETRONAS ini nanti maka kita akan dapat bergerak seperti badan-badan yang ditubuhkan di negeri Kuwait, Iran, Arab Saudi dan juga negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa PETRONAS akan menjadi pendorong yang kuat di dalam kemajuan ekonomi negeri kita menerusi usaha dalam bidang petrolium ini kerana ianya begitu penting. Maka saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melantik seorang untuk menjadi Pengerusi PETRONAS, seorang yang sungguh cekap, dan yang sangat penting sekali mempunyai integrity yang tidak disyakkan, kerana terletak kepada bahu Pengerusi PETRONAS nanti tugas-tugas yang berat itu harus dijalankan.

Saya gembira kerana PETRONAS akan ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan tidak ditubuhkan seperti S.E.D.C. ataupun badan-badan berkanun yang lain, kerana dalam perusahaan yang seperti ini

flexibility perlu ada untuk melaksanakan perjanjian yang telah dicapai daripada perundingan di antara pihak PETRONAS dan syarikat-syarikat yang lain yang akan bekerjasama dengan PETRONAS dalam perusahaan pengeluaran petroliaam.

Saya juga sukacita melihat dalam Fasal 2, bahawa hak untuk mengeluarkan pemberian hak-hak seperti terkandung dalam Jadual terserah kepada Kerajaan yang mempunyai kuasa kepada kawasan yang berkenaan. Bagi pihak Negeri Sarawak saya ingin menyatakan bahawa kita berpendapat bahawa adalah menjadi hak negeri Sarawak mempunyai kuasa di bawah Seksyen 2 tadi mengeluarkan pemberian hak-hak, kuasa-kuasa, kebebasan-kebebasan dan keistimewaan-keistimewaan berkenaan dengan petroliaam seperti tersebut dalam Jadual Undang-undang ini melputi bukan sahaja kawasan daratan tetapi juga kawasan yang disebut off shore termasuk continental shelf. Saya sungguh gembira ada tersebut dalam Rang Undang-undang ini iaitu sebagai pengakuan kepada hak ini pihak PETRONAS akan memberi bayaran wang tunai kepada Kerajaan yang berkenaan. Dengan cara begini maka Kerajaan negeri yang berkenaan akan dapat sedikit wang, walaupun tak banyak yang boleh digunakan dalam pentadbiran negeri dan juga dalam pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan saya ke negara-negara di Timur Tengah dalam tahun 1965, saya telah banyak berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab tentang hal pengurusan petroliaam di Kuwait, Arab Saudi dan lain-lain. Melihat keadaan di situ, saya mengambil kesimpulan bahawa kita akan dapat mempelajari daripada pengalaman-pengalaman di negara itu. Negeri Arab Saudi misalnya bersedia memberikan biasiswa-biasiswa kepada pelajar di tanahair kita yang mahu belajar di kolej-kolej mengenai perusahaan minyak di negeri Arab Saudi. Yang sangat menarik hati saya tentang pengurusan minyak misalnya di negeri Kuwait ialah pembahagian minyak di dalam negeri itu dipunyai seratus-peratus oleh satu badan yang serupa dengan PETRONAS yakin internal distribution bagi petroliaam, gas dan lain-lain adalah dipegang oleh satu badan itu sahaja dan tidak oleh syarikat yang berkongsi dengan perbadanan tersebut tadi. Syarikat

asing yang berkongsi hanya berhak untuk mengeksport, untuk menjual ke luar negeri iaitu minyak yang didapati di dalam negeri itu dengan persetujuan Kerajaan negeri tersebut, iaitu mengikut perundingan yang telah dipersetujui oleh kedua pihak.

Saya berharap Kerajaan Pusat akan dapat memberikan pertimbangan kepada masalah ini kerana dengan cara demikian kita akan dapat mencari satu jalan lagi bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita dalam negeri ini dan juga menjaga betul-betul tentang hal pembahagian minyak kepada rakyat di negeri ini. Kita tidak akan dapat dengan cara yang demikian ditekan oleh golongan-golongan yang hanya mahu menjaga kepentingan mereka sendiri.

Baru-baru ini berlaku di Semenanjung Malaysia bahawa bekalan minyak itu didapati tidak ada. Ini disebabkan kerana kita tidak mempunyai hak ke atas minyak itu. Minyak itu hanya dibawa daripada luar negeri oleh syarikat minyak yang berkenaan seperti Shell, Esso dan lain-lain. Memang sebab-sebabnya itu menasabah kerana terlalu banyak orang membeli minyak di satu tempat dengan harga yang lebih murah daripada tempat yang lain mungkin maka terdapat kekurangan minyak di tempat yang berkenaan itu. Jikalau kita mengikut seperti yang dijalankan di negeri Kuwait, saya harap akan dapat mengelakkan perkara seperti itu berlaku lagi dalam negeri kita.

Yang Berhormat Menteri juga menerangkan tentang hal konsep production sharing. Saya terpaksa mengakui bahawa Kerajaan Negeri Sarawak belum memahami dengan sedalam-dalamnya konsep ini lagi. Saya sendiri belum mengkajinya. Mungkin di dalam Malaysia ini hanya beberapa orang dalam Kementerian Perusahaan Utama yang faham dengan sebetul-betulnya konsep production sharing, tetapi walau bagaimanapun, nampaknya ini menjadi satu cara yang digemari di negeri-negeri yang mengeluarkan minyak sekarang ini. Beberapa hari yang lalu, saya membaca dalam akhbar bahawa di negeri Mesir, perjanjian-perjanjian baru telah dibuat di antara negeri itu dengan syarikat-syarikat asing seperti Esso dan lain-lain dan di dalam perjanjian itu negara yang berkenaan diberi hak 80% dan syarikat asing 20%, sehingga ke peringkat demikian persediaan syarikat asing itu untuk bekerjasama mencari petroliaam di dunia ini.

Yang Berhormat Menteri juga telah menerangkan mengenai downstream venture yang akan didapati dalam perusahaan ini dan beliau menyentuh masalah perkapalan (shipping). Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan negeri Sarawak sangat-sangat berharap bahawa ianya akan dibawa berunding di dalam masaalah mengadakan perkapalan untuk mengangkut minyak daripada negeri Sarawak ke luar negeri.

Saya agak dukacita sedikit kerana perbuatan seorang di dalam M.I.S.C. yang mengambil langkah secara diam-diam di belakang Kerajaan Negeri Sarawak untuk membolotkan perusahaan ini bagi ianya sendiri. Ini tidak sihat, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengaku bahawa M.I.S.C. itu adalah syarikat nasional kita yang akan dipunyai kemudian hari kelak seluruhnya oleh pihak dalam Malaysia ini. Walaupun demikian ada manisnya jikalau Kerajaan Negeri seperti Sabah dan Sarawak dibawa bersama-sama seperti yang berlaku dengan GAYA Shipping di mana pihak di dalam Sabah mempunyai saham kira-kira 46% atau 49% dan pihak M.I.S.C. mendapat saham yang lain. Kita tidak harus melakukan sesuatu yang hanya mahu mengeneipikan Kerajaan Negeri sahaja. Saya tidak berkata bahawa Kerajaan Pusat bersikap demikian—tidak sama sekali, bahkan sebaliknya. Dalam perundingan saya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, beliau sungguh bersimpati dengan perasaan Kerajaan Negeri Sarawak dalam masaalah ini dan sesudah Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam ini diluluskan dan sesudah PETRONAS ditubuhkan nanti di bawah undang-undang syarikat yang berkenaan pihak Kerajaan Negeri akan mengambil inisiatif membawa masaalah ini kepada PETRONAS.

Beberapa minggu yang lalu seorang daripada Jerman telah berjumpa dengan saya di Kuala Lumpur, mengenai kemungkinan menggunakan arang di Sarawak itu diproses dijadikan minyak. Saya harap masaalah ini dapat diberi perhatian oleh PETRONAS apabila ianya ditubuhkan kelak. Menurut penerangan daripada orang yang berkenaan, ini telah dijalankan dengan jayanya di Negeri Jerman. Saya harap takrif "petroliaam" di dalam undang-undang ini meliputi masaalah yang demikian itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa sungguh gembira bahawa suatu pindaan akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada Fasal 5 (2). Pindaan ini memang sungguh tepat dan harus dibuat supaya seperti yang saya sebutkan tadi pihak PETRONAS tidak dikongkong sangat oleh berbagai-bagai procedure yang digunakan dalam pejabat-pejabat Kerajaan, kerana jikalau PETRONAS dikongkong seperti badan-badan berkanun yang lain ianya tidak akan dapat menjalankan tugasnya dengan memuaskan. PETRONAS harus berjalan seperti syarikat biasa yang lain, syarikat biasa yang berdagang dan bertanggungjawab sepenuhnya dengan secara langsung, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Di Iran, Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi kepada Iranian Oil Company adalah seorang yang sangat-sangat dipercayai oleh Raja Shah Iran. Seperti yang saya katakan saya yakin Pengerusi PETRONAS juga akan dipilih oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada orang-orang yang difikirkannya mempunyai kalibar yang tinggi, mempunyai integrity yang tidak disyakkan lagi dan betul-betul dapat menjalankan tugasnya dengan memuaskan semua pihak kerana pihak PETRONAS bukan sahaja akan berunding dengan syarikat-syarikat asing dalam perusahaan minyak, tetapi juga akan menjumpai Menteri Besar di Trengganu, Menteri Besar di Pahang, Ketua Menteri Sabah, Ketua Menteri Sarawak dan lain-lain yang berkenaan. Ianya harus dipilih daripada orang yang mempunyai stature, maturitynya ada dan juga status yang tinggi memegang jawatan ini.

Masaalah-masaalah yang lain yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi sangat-sangat menarik hati saya. Penjelasan beliau yang begitu panjang, yang begitu cukup detail telah dapat memberi gambaran yang terang apa yang telah diusahakan oleh Kementerian Perusahaan Utama selama ini tentang hal perusahaan minyak. Kepada Kementerian Perusahaan Utama ini khususnya kepada Menteri yang berkenaan dan pegawai-pegawainya saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kerjasama yang erat yang telah diberikan selama ini oleh Kementerian yang berkenaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Sungguhpun PETRONAS akan diletak di

bawah jagaan langsung oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita namun jikalau Kementerian ini masih lagi ada sesudah pilihanraya ini nanti, saya sangat-sangat berharap semoga Kementerian Perusahaan Utama ini akan dapat memberi kerjasama yang lebih erat lagi dengan Kerajaan Negeri Sarawak di dalam beberapa bidang yang berkenaan seperti masaalah arang misalnya.

Dahulu ada perundingan di antara Malaysia dengan Jepun sehingga negeri kita berbelanja wang begitu banyak untuk membuat jalan kerana syarikat Jepun itu berkata kalau tidak ada jalan, kita tidak dapat menjalankan perusahaan ini, maka kita buat jalan kepada tempat ini iaitu di Selantik. Jalan sudah siap, Jepun keluar, dia kata tak jadi buat, dia beli arang daripada Australia. Saya harap Kerajaan Pusat akan mengambil perhatian dalam masaalah ini bagaimana arang di Sarawak itu dapat digunakan untuk kepentingan negara kita. Mungkin Malaya-wata mahu beli arang daripada Sarawak, tetapi arang itu masih ada lagi, begitu juga bahan-bahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita belum lagi menjalankan usaha yang cukup untuk mengkaji bahan-bahan di dalam bumi kita. Geological Survey Department tidak mempunyai staff yang cukup. Sebahagian yang besar di Negeri Sarawak itu belum lagi dikaji sedangkan kemungkinan ada, bahan-bahan yang akan didapati di dalam bumi Sarawak itu, begitu juga di Semenanjung Malaysia ini. Saya bersukacita bahawa Kementerian Perusahaan Utama ini telah mengambil langkah-langkah untuk melantik pegawai-pegawai dan saya harap pihak Treasury, terutama sekali, jangan kedekut dengan wang untuk membantu pejabat-pejabat yang penting seperti ini. Selalunya Kementerian yang mempunyai program yang baik tetapi Treasury yang pegang wang, tunggu hingga 10 tahun baru dapat mengambil keputusan. Ini adalah satu Kementerian yang sungguhpun tidak productive dalam ertikata tidak dapat mengeluarkan hasil diwaktu itu juga, tetapi sangat penting dalam mencari bahan-bahan yang ada dalam bumi kita sebagai usaha research. Pihak Treasury harus memberi sokongan yang sepenuhnya kepada satu projeknya yang akan menambahkan pengeluaran bahan-bahan yang penting di dalam negeri kita ini.

Begitu juga di dalam masaalah biasiswa untuk bantuan-bantuan kepada pelajar-pelajar yang akan dapat berkhidmat di dalam PETRONAS ataupun di dalam badan-badan yang lain yang bersangkutan-paut dengan perusahaan yang seperti ini. Kita harus memandang jauh ke depan iaitu 15-30 tahun yang akan datang, dan sungguhpun, misalnya, konsep Petronas ini telah saya cadangkan dalam tahun 1965 dahulu, dan ini bukan konsep yang baru. Sekembalinya saya dari Timur Tengah, saya telah mengemukakan konsep ini dalam tahun 1965 tetapi malangnya waktu itu Kementerian Perusahaan Utama belum ada dan pihak Kementerian yang berkenaan berfikir bahawa Kerajaan itu tidak harus campurtangan dalam perniagaan. Maka kita hanya dapat melihat usaha seperti ini sekarang ini ketika mana dasar Kerajaan Persekutuan telah banyak berubah di dalam masaalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa terima kasih bahawa di bawah Rang Undang-undang ini akan ditubuh satu Advisory Council dan ahli-ahli Advisory Council ini akan mempunyai wakil daripada negeri yang berkenaan. Ini adalah suatu langkah yang bijak, yang baik supaya Kerajaan Negeri dapat bersama-sama memberi pertolongan kepada Council ini sebagai satu badan yang bertanggungjawab untuk menasihatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam masaalah petroliam ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan sekali lagi saya sangat-sangat berharap semoga dengan penubuhan PETRONAS ini perundingan mengenai liquified natural gas industry di kawasan Bintulu, Sarawak itu akan dapat dimulakan lagi dengan seberapa segeranya.

5.11 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bercakap mengenai Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, dan di samping ini saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang telah memberi ucapan yang begitu jelas dan tepat. Tetapi walau bagaimanapun, saya ada sedikit komen dan diharap Menteri yang berkenaan boleh

mengambil perhatian, dan sekiranya wajar, melaksanakan cadangan-cadangan yang akan saya kemukakan kelak.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, with the advent of Petronas, a new "ball game" is opened with regard to the petroleum industry in this country. Today one may think of Petronas as just another statutory body, but I am sure if one reads the speech of the Minister carefully, one would see that it is not another statutory body, it opens up a new ball game which can produce as much as, I venture to predict, one-third of the revenue that is required for the whole of the Federation, particularly if the expectations that are being aroused by the Minister are fulfilled. Not only that, not only will Petronas be such a huge giant that it will dwarf all the other statutory bodies in this country, it will also dwarf all the other commercial undertakings in this country; and, I repeat, it will probably produce revenue of the order of one-third of the expenditure that is required by the whole Federation.

It is no secret, if one reads through this Bill, that this Bill is patterned after Pertamina. We know Pertamina is a huge giant in Indonesia that has the sole authority with regard to the petroleum industry in Indonesia and that it is such a big giant that it has become perhaps a little unwieldy. Mr Speaker, Sir, if one follows the history of Pertamina carefully then one is drawn to the inevitable conclusion that eventually we will have to nationalise the petroleum industry in this country as is done in Indonesia, and I shall come to that a little later.

The Minister in his speech quite rightly has touched on the shortage of staff in this country. I believe the Chief Minister of Sarawak was quite correct when he said that this country, even the Ministry of Primary Industries, is woefully short of staff who have even a little know-how regarding the oil industry. This is nothing to be ashamed of because it is only since the last three or four years that we have discovered oil and gas in Sabah, Sarawak and Semenanjung Malaysia, and such a know-how does not come to any country or to anybody overnight, but I am glad that the Minister in his speech on page 7 has stated that he will embark on a crash programme.

He said, and I quote, "The running of its oil business which, as has been mentioned above, calls for great technical skills in the fields of exploration, production, refining and processing, marketing, petro-chemical industries and distribution." He continued, "My Ministry has sent four of its officers overseas to take up post-graduate courses in geology, petroleum engineering and other subjects related to the oil industry." He went on to say, "In this connection, my Ministry is fortunate in having at its disposal offers of assistance from Indonesia, Saudi Arabia and Iraq to train our men in the field of hydrocarbon by providing places for our students in their respective petroleum industries."

I am glad that the Minister for one at least is aware of the woeful lack of personnel for this new born industry and that we should embark on a crash programme to train our officers rapidly so that they can take their rightful places in the oil industry. I was also glad when the Minister mentioned that the various oil companies in this country have undertaken to train our people in preparing skills which are so lacking in this country. I do hope that the Minister will see to it that oil companies do not pay lip service to this aspect of it but he will really see to it that these oil companies really train Malaysian citizens with the basic qualifications, but perhaps not the know-how as yet and the experience which will come when they actually participate in the industry to take over from them and not just make our engineers, our chemists and our geologists to be glorified messenger boys with big salaries.

Mr Speaker, Sir, I do hope that the Minister will also, while we do need to send people abroad to get know-how very quickly, take cognizance of the fact that in this country we also produce people who will be required in the oil industry. For example, in the University of Malaya we produce about 40 chemical engineers, and I believe chemical engineers are in tremendous short supply for the oil industry. We also produce geologists, and I think we produce about 30 of them every year in the University of Malaya alone. I believe there is also a Department of Geology in the Universiti Kebangsaan Malaysia, so that while we naturally have to send out people abroad to get them trained very rapidly in the skills that are

required, we must also remember that right at our own doorstep in Pantai Valley there are facilities for training people with the requisite skills that are required for the petroleum industry.

Mr Speaker, Sir, the other aspect that I want to take is that I once talked with a lawyer and he told me, "Doctor, you know, my firm is fairly big, but I dare say there is no lawyer in this country qualified to negotiate on legal matters with the oil companies." Now again, I say this is nothing to be ashamed of because this is a new ball game to us. The international corporations pay their lawyers perhaps twenty times the salary we pay our Prime Minister and their chaps are the top brains in the country. This is another aspect that I do hope that the Minister will take note of, that is, we obviously will have to negotiate and draw up agreements with the various oil companies and we should not be diddled by them just because we do not have any legal officers with the requisite qualifications. Again I say that the Ministry of Primary Industries should see that we send our legal officers abroad very rapidly to gain know-how in the matter of drawing up agreement so that the fine printed words in any agreement will be fully understood by our people negotiating agreements with foreign countries or with oil companies.

Having said that, Mr Speaker, Sir, I do hope that the Minister and Petronas will see to it that we take in people with the right qualifications for the jobs that are available. We are told by the Minister, for example, that for every job that Petronas actually provides there is a spin-off of 6 jobs outside of Petronas. I am very glad that there are such high hopes of employment all round for people, but for the key jobs in Petronas itself—and obviously it will need many people with the requisite qualifications—I do hope that Petronas will see that it takes in people with the right qualifications and, I hope, without regard to race, colour or creed because this is a matter that is of vital importance to this country. If any statutory body can provide one-third of the revenue that is required by this country, then we should obviously staff it with people of top calibre without regard to the race, colour or creed of the applicants.

Now, this brings me, Mr Speaker, Sir to the National Petroleum Advisory Council. This is in Clause 5 (1): "There shall be established a Council to be known as the National Petroleum Advisory Council consisting of such persons including those from the relevant States as the Prime Minister may appoint". Mr Speaker, Sir, I notice that perhaps by design this Clause is deliberately vague. It leaves out the actual number of members of the Council. It merely states that the Council should comprise of persons including from the relevant States as the Prime Minister may appoint. If it is by design, maybe at this point of time it may be necessary. From time to time, one is presented with the composition of the governing bodies of statutory bodies which spells out in detail how people should be appointed to such governing bodies. For such a body as Petronas, I do not think that is necessary because I do not think if we put all the Secretaries-General of the various Ministries, that will help because obviously they are already overloaded with work and they cannot spare the time, nor do I think they have the know-how for such an important job as the governing body of Petronas. Rather, I would think, as has been stated by the Member for Payang just now, that the person who should head this Council should be a person with the highest calibre, of the highest integrity, because he obviously has to deal not with hundreds, not with thousands, but perhaps with hundreds of millions of dollars and if he is not a person of the highest calibre, of the highest integrity, morally and otherwise, any small under-the-counter payment will have disastrous effects on the workings of Petronas. I would make a plea also that such a person will have to be paid more than adequately because otherwise, again I reiterate, he deals with thousands of millions of dollars at times and if any of the companies were to slip him a small cheque and ask him to cash it in Geneva it will be disastrous. So, if it is deemed necessary that the Chairman of such an Advisory Body, and I hope he will be a full time person, should be paid more than the Prime Minister, I say it should be worth it that he should be paid more than the Prime Minister because from time to time one reads in the Press of the Chairman of Pertamina, for example, having huge cars, having lavish parties for the wedding of his sons or his daughters. We do not want such

a thing to happen in this country. If the Chairman of this National Petroleum Advisory Council should have a lavish party, then we can say, "So what? Look here, his salary is \$10,000 a month. He can afford to throw a party costing \$5,000. He has a big expense account if it is an official function". I would make a plea that the highest calibre, of the highest integrity and he should be paid adequately, if necessary \$10,000 or more and I think it will be worth it.

I would also make a plea that the members of the Petroleum Advisory Council should also be persons of the highest calibre and should also be people knowledgeable in some cases in the petroleum industry. We do not want, Mr Speaker, Sir, the Government packing this Petroleum Advisory Council with party hacks. To do so would be the surest way of destroying a vital industry in this country. Perhaps some people are already lining up for jobs because they fear that they may not be picked up for the General Elections that are coming and they may say, "How about a job for me in the National Petroleum Advisory Council?" I would hope, Sir, that the Prime Minister and the Minister for Primary Industries will see to it that party hacks are strictly excluded from such a body and that people who are knowledgeable, people who are of the highest calibre and integrity and who are willing to spare the time are appointed. We do know that there are people in this country who may be qualified to do so but because they are on so many other statutory bodies they just don't have the time and if they do not attend such meetings, then they might just as well not be there. So, these are some of the observations, Mr Speaker, Sir, I wish to make on the composition of the National Petroleum Advisory Council.

Mr Speaker, Sir, the Minister in his speech has touched on our refineries and on the establishment of petro-chemical plants. With more and more oil gushing out from our oil-wells, I would say that the Minister should very quickly set up refineries of our own rather than depending on the two refineries that are in Port Dickson, namely Shell and Esso. One has only to look back a little on what happened less than a month ago when there was a "shortage" of diesel. There, indeed, was no shortage of diesel but because the oil companies were not satisfied with the

price of diesel that the Government had decreed, they deliberately refused to bring in enough diesel to this country and perhaps the refineries did not step up their production as they might have been. But if we have our own refineries, if we have our own petro-chemical plants, then this would not arise.

Now, coming to this question of refineries, Sir, I note that as regards the diesel that is used in this country, only 48% of it is produced by our own refineries, i.e. Shell and Esso in Port Dickson. Obviously, this is not acceptable to this country. Either the two refineries at Port Dickson should step up the production of diesel or the Minister should very quickly take the necessary action; in any case, the Ministry of Primary Industries or Petronas will have to build a refinery very quickly to refine our own oil. As such, I would say that the sooner we do so the better it is, because we cannot be at the mercy of Caltex, B.P. or Mobil which provide 52% of the diesel that is required in this country.

Now, Mr Speaker, Sir, on page 5 of the Minister's speech, he has this to say:

"The Contractor to contribute a certain percentage of its share of the oil to satisfy the domestic market, the oil to be sold to the Government or its oil company at US\$0.20 per barrel. When the production level in Malaysia reaches sufficiently high level, Government is thus enabled to utilize this cheap domestic supply obligation oil to reduce the cost of fuel in the country thereby giving a further boost to industrial development."

The Minister knows that the tax on diesel and on petrol is far too high in this country. Time was when this might have been acquiesced to by the people of this country. Time was when it might have been prudent for the Government to do such a thing. But the Minister knows that the recent increases in the price of diesel and of petrol, apart from other things, have lots of "spin off" effects, if I may quote the Minister, namely, that it increases the cost of production of lots of goods that are being produced by this country. For example, the cement manufacturers say that they have to increase the price of their cement from \$3.70 per bag to \$5 per bag because they use diesel so much and since the cost of fuel has gone up they have to increase the price. We see the taxi drivers clamouring for an increase in their

fares; we see the bus companies also clamouring for an increase of their fares, not to talk about lots of poor motorists who have to pay through their nose now. Now, I would say that if Petronas were to go into the oil refinery business and refine the oil that is produced in this country, quickly, then, instead of what the Minister tells us in his speech, as soon as we have our own refineries, we should be able to bring down the cost of oil or fuel in this country as is the case in Indonesia. In Indonesia, the fuel is far more cheaper than it is here, and if we have fuel that is cheaper in this country, it would mean not only that the cost of production of most of our manufactured goods would come down, it would also mean cheaper taxi fares and cheaper bus fares. I commend this to the attention of the Minister.

Mr Speaker, Sir, the Minister has announced also that the share ratio as between us and the oil companies when the price is \$5 per barrel, would be 65:35, i.e. we get 65% and the oil companies get 35%. When it is more than \$5 per barrel, then it would be 85:15. Now, Mr Speaker, Sir, I do not know whether the Minister has considered the fact that, should the price of oil go very much higher than \$5 per barrel, it means that the oil companies are getting far more than what they should get, because they are already covered by the 40% that is reserved for them—40% of the barrels of oil that is being produced is reserved for them, which would cover their investigations, their losses, the cost of production and the like and anything above that would be sheer profit. Now, there must be a limit to the profit that they make. Under this formula that is enunciated by the Minister, when the price of oil is more than \$5 per barrel, then it can reach very big proportions, particularly when millions of barrels are involved. I would hope that the Minister would say that is a graduated scale and it should taper off, so that at a certain point, we tell them, "Chum, you have had enough. Beyond this point, no more percentage for you; that is more than enough for all the money that you have poured into this business, for the initiative that you have taken. I think the Arab countries are thinking of this at the moment, and Pertamina also. Under this scheme, *ad infinitum* they will get and the more we produce the more profits they get. Why should this be the case? After all, oil

is also a wasting asset. One must not be thinking in terms of the oil being increased that every time oil gushes out, it is being replaced from below. It doesn't. Oil is a wasting asset like tin. We must not think that *ad infinitum* we can get oil from our sea-bed. As such, I would hope the Minister would look into this aspect of it that it should taper off and not stand at 65% for us and 35% for them.

Mr Speaker, Sir, I call on the Minister, when his turn comes to reply, to make an announcement that Petronas will ultimately take over the oil industry in this country because, if one follows this thing to its logical conclusion, then we cannot let foreigners run such a vital industry in this country. I do not say that we should take over immediately, because obviously we do not have the know-how, we do not have the staff and we do not have the capital, but the Minister should say that ultimately it is the intention of His Majesty's Government to take over, to nationalise the oil industry, but that it would only do so in a just way so that it would not hurt the big capitalists too much. We know that we can take over the distribution system, for example, overnight. That should not be too difficult. We know that we can buy up the two oil refineries that are in Port Dickson, namely, the Esso and Shell Refineries. If we have enough know-how when we establish our own refineries and petro-chemical plants, I do not see any reason why this country should have foreign capitalists participating in oil refineries or in the distribution of petrol and its allied products in this country.

5.39 *ptg.*

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I wish to welcome this Petroleum Development Bill. I am happy to note that the Government has wisely thought it fit to give more incentives and initiative to a Corporation by vesting to it the entire ownership in petroleum and giving it the exclusive right to explore, exploit, win and obtain petroleum.

However, I would like to go one step further and suggest to the Honourable Minister to see that a research unit be established for the purpose of finding out ways and means of making motor vehicles

and industrial engines run without the use of petroleum.

In this connection, I would also suggest that scientific experiments be carried out to see if motor fuel can be obtained from sea water to power motor engines. I have read somewhere that gas from sea water could be produced by chemical process and this gas could eventually be converted into liquid to power motor engines. If these experiments prove successful, it will no doubt be a great leap forward and Malaysia will be the first country in the world to proudly boast of solving the energy problem affecting mankind by making motor vehicles and industrial machines run without the use of petroleum. Thank you, Mr Speaker, Sir.

5.41 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (*Dengan izin*) We have before us the Petroleum Development Bill which provides for the exploration and exploitation of petroleum by a Corporation, to be known as Petronas, in which will be vested the entire ownership in petroleum whether lying onshore or offshore of Malaysia. This Corporation will have exclusive rights to explore, exploit, win and obtain petroleum in Malaysia.

This Bill also makes provisions for the business of refining and processing of petroleum and manufacturing of petrochemical products from petroleum to be subject to the Honourable Prime Minister's permission.

I am glad that my injunction to the Government during the Committee of Supply debate on the Ministry of Primary Industries on 8th January, 1974 is bearing some fruit. This was what I said, and I quote one paragraph with your permission:

"The Government must seriously consider nationalising our own oil resources, i.e. the Government itself exploiting and developing our own oil resources. If international oil companies are to be permitted to exploit and develop Malaysia's own oil resources, then Malaysians must be given effective control over, and an active role in both the ownership and management of the oil production opera-

tions. And if this control and this active role is to mean anything, it must be overriding control and role."

However, I am not completely happy with the present Bill because it only covers one part of petroleum activity in the country. What we need in Malaysia is not a sectoral petroleum policy with regard to exploration and exploitation of petroleum but an overall, integrated petroleum policy which is concerned with the provision of cheap fuel and power for Malaysians.

